

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil. 32

Hari Khamis

11 Disember 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1998

(Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 11 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**POS LAJU - MENINGKATKAN MUTU
PERKHIDMATAN**

1. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman [di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mutu perkhidmatan Pos Laju dalam negara masih boleh ditingkatkan. Kadangkala melaksanakan Pos Laju mengambil masa lebih kurang sama dengan melaksanakan biasa untuk disampaikan ke destinasi. Sila jelaskan langkah-langkah diambil untuk mempercepatkan lagi penyerahan melaksanakan Pos Laju di negara ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, Pos Malaysia sentiasa mengawasi prestasi Perkhidmatan Pos Laju secara terperinci khususnya dari segi peratusan mel-mel yang lambat diserahkan. Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini hanya 38 daripada 4.01 juta item yang dikendalikan oleh Pos Laju gagal dari diserahkan dalam masa yang ditetapkan. Perangkaan ini jelaslah menunjukkan kelewatan yang berlaku adalah di tahap yang paling minimum.

Punca-punca yang menyebabkan kelambatan adalah seperti berikut:

- (i) kenderaan rosak;

- (ii) alamat tidak jelas dan berlaku kesilapan-kesilapan/salah serah.

Langkah-langkah yang akan diambil untuk terus meningkatkan prestasi penghantaran Pos Laju ialah:

- (i) meningkatkan latihan kepada kakitangan ;
- (ii) mengenalkan pengurusan kualiti ISO 1002.

Di samping langkah-langkah yang diambil oleh pihak Pos Malaysia Berhad kerjasama pengguna untuk menggunakan alamat yang betul dan jelas boleh membantu mengurangkan kes kelewatan.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila masyarakat tidak sempat menghantar telegram ke satu tempat melalui Pejabat Pos, dia diberitahu bahawa kemudahan itu tiada, dan mereka disuruh ke bandar untuk membuat telegram ini.

Tuan Yang di-Pertua: Telegram. Ini berkenaan Pos Laju.

Tuan N. Marimuthu: Ini melalui pos. Kementerian ini juga.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi lain perkara.

Tuan N. Marimuthu: Perkara Pejabat Pos. [*Ketawa*] 62 batu persegi terdapat hanya satu Pejabat Pos sahaja. Mengapa kemudahan mengangkat telegram tiada diletakkan di Pejabat Pos kawasan desa?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan ini sudah jauh daripada soalan pokok saya juga mengambil kesempatan di sini untuk memberi jawapan kepada Yang Berhormat. Setakat ini terdapat lebih kurang 600 buah Pejabat Pos di seluruh negara dan lebih kurang 60 buah kedai

Telekom di seluruh Malaysia. Adalah dianggap kemudahan ini sudah lengkap dan cukup untuk memberikan kepada para rakyat untuk menghantar telegram.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini apakah tindakan-tindakan yang telah diambil kepada mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menghantar Pos Laju ini yang akhirnya gagal diserahkan juga tidak dikembalikan kepada pengirim?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan tadi dalam 6 bulan tahun ini cuma 38 daripada 4 juta item sahaja telah gagal dihantar ikut masa. Ini adalah kerana sebab-sebab yang saya telah berikan tadi. Di antaranya adalah sebab yang tidak dapat dikawal oleh pihak Pos Malaysia seperti alamat yang tidak lengkap dan alamat yang kurang jelas. Walau bagaimanapun, pihak Pos Malaysia akan terus mengambil langkah-langkah yang saya sebutkan tadi untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan untuk memberi perkhidmatan yang sampai ke satu tahap di mana semua item dapat dihantar ikut masa. Bagi item yang tidak dapat diserahkan kepada sipenerima ia akan dikembalikan kepada sipenghantar mengikut kalau sekiranya alamatnya ada dilampir dalam mel-mel yang berkenaan.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, dalam tiga tahun ini berapakah kes buang surat dan postal smuggling telah dilaporkan di seluruh negara dan apakah tindakan telah diambil?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada kaitan dengan Pos Laju. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya Yang Berhormat berminat saya akan memberikan angka-angka ini secara bertulis.

SYARIKAT JUALAN LANGSUNG - PENGEKSPLOITASIAN REMAJA LEPADAN SEKOLAH

2. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah beliau sedar akhir-akhir ini beberapa syarikat telah menggunakan remaja lepasan sekolah untuk memasarkan barangan di antaranya ialah barangan penjagaan kereta, permainan kanak-kanak, peralatan rumah tangga dan juga barangan unik seperti radio, kipas kecil dan alat pengurut secara jualan langsung. Apakah tindakan yang kementerian akan ambil supaya remaja-remaja ini tidak dieksploitasi dan ditipu oleh syarikat-syarikat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah memperkenalkan peraturan bahawa mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas sahaja dibenarkan menjadi pengedar atau ejen jualan langsung. Ini adalah bagi mengelakkan syarikat-syarikat jualan langsung menggunakan remaja yang masih bersekolah sebagai ejen mereka. Walau bagaimanapun, remaja-remaja lepasan sekolah dibenar menyertai syarikat jualan langsung dan ramai berbuat demikian untuk mendapat sumber pendapatan melalui aktiviti jualan pintu ke pintu ini.

Bagi mengelakkan remaja-remaja dieksploitasi dan ditipu oleh syarikat-syarikat jualan langsung, kementerian telah mengenakan keperluan untuk syarikat memaklum mengenai skim dan komisen yang akan dinikmati serta memberi latihan secukupnya supaya agen jualan ini tidak melanggar tatacara perniagaan seperti diperuntukkan di bawah Akta Jualan Langsung 1993 seperti:

- (i) keperluan menunjuk kad pengenalan dan kebenaran semasa ke premis pelanggan;
- (ii) keperluan mematuhi masa urusniaga, iaitu dari pukul 9.00 pagi hingga 7.00 petang; dan
- (iii) keperluan memberitahu dengan segera tujuan lawatan dan meninggalkan premis jika diminta oleh penghuni.

Sekian, terima kasih.

Puan Tan Ah Eng: Saya ingin hendak bertanya berapa syarikat jualan langsung telah diambil tindakan di bawah Akta Jualan Langsung?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sejak penguatkuasaan Akta Jualan Langsung 1 Jun 1993 hingga 31 Oktober 1997 kementerian telah mengambil 68 tindakan kes bersabit pelbagai kesalahan di bawah Akta Jualan Langsung dengan melibatkan penyertaan barang-barang bernilai RM434,256. Sepuluh kes telah dibawa ke mahkamah dengan denda sebanyak RM20,000. Sebanyak 31 kes yang telah dikompaunkan dengan jumlah sebanyak RM37,800. Dua puluh tujuh kes masih di dalam tindakan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah jaminan atau prasyarat yang ketat yang dapat dilakukan oleh pihak kementerian bagi memastikan personaliti remaja perempuan lepasan sekolah ini tidak terjejas kewibawaannya. Maksud saya, mungkin dieksploit atau digunakan dengan sewenang-wenangnya.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah jawab bahawa semua pengedar atau ejen jualan langsung akan diberi maklumat yang

mencukupi supaya mereka mematuhi peraturan-peraturan di bawah Akta Jualan Langsung 1993. Ini bermakna mereka kena mematuhi atau mengikut peraturan-peraturan mengenai barang jualan langsung. Jika ada kes-kes yang spesifik, boleh rujukkan kepada kementerian ini.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kita dapati masih banyak remaja di bawah 18 tahun yang menjual barang-barang, contohnya di tempat letak kereta dan sebagainya. Soalan saya adakah kementerian memandang serius perkara ini dan mewujudkan satu badan penguatkuasaan khas untuk menangani masalah kanak-kanak yang dieksploitasi.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Jualan Langsung 1993 setiap jualan jika harganya tidak melebihi RM50.00 ianya tidak memerlukan lesen jualan langsung. Jika mana-mana syarikat yang menggunakan remaja-remaja yang berumur di bawah 18 tahun, syarikat itu akan ditamatkan lesennya.

TABUNG AMANAH PEMBANGUNAN BELIA - BILANGAN PEMOHON DAN JUMLAH PINJAMAN

3. **Dato' V.K.K. Teagarajan** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bilangan pemohon yang diberikan pinjaman daripada Tabung Amanah Pembangunan Belia dan jumlahnya sejak dilancarkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia telah

mengeluarkan pinjaman kepada 2,240 belia usahawan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM33,835,914.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, mengikut ajaran kepada penganut agama Islam bila kita berhutang kita kena bayar sama ada kita berhutang kepada yang beragama Islam ataupun tidak. Saya faham di antara 2,240 orang peminjam ini termasuklah yang beragama Islam. Adakah pihak kerajaan menyampaikan mesej ini kepada golongan peminjam yang beragama Islam mengatakan pinjaman mesti dijelaskan, kalau tidak kamu akan menanggung dosa. Ada atau tidak, kalau tidak ada, adakah mesej ini, adalah perkara ini akan disampaikan masa hadapan kepada peminjam-peminjam yang terdiri daripada golongan beragama Islam? Saya juga ingin tahu berapa peratuskah daripada pinjaman yang telah dimaklumkan RM33 juta sudah dibayar balik kepada pihak kerajaan?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin ialah ada. Kita selalu beritahu kepada remaja dan belia kita bahawa mereka mesti menunaikan tugas dan tanggungjawab bukan hanya kepada peminjam yang beragama Islam tetapi kepada semua peminjam tabung amanah kita. Setakat ini syukur Alhamdulillah, keadaan tidak membimbangkan. Nampak gaya remaja dan belia kita mereka mengorak langkah dan menunjuk kepada semua yang ada termasuk kita yang tua-tua sedikit, mungkin Ahli Yang Berhormat tidak tua lagilah, bahawa anak muda dan remaja kita bukan semuanya yang terjerebak dalam

gejala negatif. Ada di antara mereka dan ramai yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat termasuk membayar balik pinjaman tabung ini. Untuk perangkaan yang terperinci pihak kementerian akan memberi secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Tan Ek Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Belia dan Sukan tadi hanya angka yang dapat diluluskan dan dapat diberi pinjaman. Sekarang saya ingin bertanya berapakah bilangan yang memohon tetapi tidak diluluskan pinjaman dan apakah sebab-sebab utama mereka ini ditolak daripada diberi pinjaman?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang terperinci, tetapi insya-Allah, akan dikemukakan kepada Ahli Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kita mempunyai beberapa syarat, jikalau pemohon-pemohon ini tidak memenuhi semua syarat yang telah diperuntukkan maka pinjaman ini akan ditolak. Di antara syarat ini adalah mereka sudah pastinyalah menjadi warganegara Malaysia berumur di antara 18 hingga 40, mempunyai pengalaman di dalam perniagaan mereka, mempunyai lesen, permit dari pihak berkuasa untuk menjalankan perniagaan jika perlu dan tidak disenaraihitamkan oleh mana-mana institusi kewangan, juga mereka mesti dapat menyumbang modal sendiri tidak kurang dari 10% dari kos projek dan projek yang dijalankan terbukti berdaya maju dan tidak bertentangan dengan undang-undang dan akhirnya usahawan muda tersebut tidaklah melibatkan diri sepenuh masa dalam perniagaan itu.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Skim pinjaman yang diwujudkan oleh Kementerian Belia dan Sukan adakah belia-belia desa atau di kawasan pedalaman mengetahui kewujudan skim ini?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, memang semua belia dan remaja telah pun disebarkan maklumat ini, terutama melalui pegawai-pegawai Belia dan Sukan di daerah-daerah. Ini sudah semestinyalah maklumat ini turun ke padang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 4.

SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA BERHAD - MEKANISME DAN FUNGSI

4. **Tuan Hanipah bin Ahmad [di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah mekanisme dan fungsi Syarikat Perumahan Negara (SPN) yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini telah siap dirumuskan oleh kementerian sebagai langkah bagi memastikan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang telah ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 sebagai sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan), adalah bermatlamat untuk meningkatkan lagi pelaksanaan program perumahan kos rendah supaya lebih ramai lagi rakyat yang layak dan berkemampuan memiliki rumah sendiri.

SPNB akan menambahkan penawaran rumah kos rendah melalui dua kaedah, iaitu:

- (i) SPNB membina sendiri rumah-rumah kos rendah di tanah-tanah yang dikenal pasti oleh kerajaan-kerajaan negeri atau tanah-tanah milik pemaju yang disyaratkan supaya dibina perumahan kos rendah itu.
- (ii) SPNB membeli unit-unit rumah kos rendah yang dibina oleh pemaju swasta dan kemudiannya menjualkan semula kepada pembeli pada harga yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Untuk langkah permulaan SPNB akan menumpukan operasinya kepada pembelian rumah-rumah kos rendah dahulu daripada pihak-pihak pemaju dan penjualan rumah-rumah berkenaan kepada mereka yang memenuhi kelayakan pembelian yang ditetapkan. Langkah ini akan membantu pihak pemaju kerana ianya mengurangkan beban pembiayaan dan pentadbiran yang dahulunya terpaksa ditanggung sendiri oleh pemaju.

Pihak pembeli yang layak dan berkemampuan pula akan dapat memiliki rumah sendiri dengan lebih mudah lagi kerana SPNB akan membantu mereka memperolehi pembiayaan daripada institusi kewangan. Jaminan SPNB untuk membeli semula rumah-rumah yang peminjamnya gagal menyelesaikan pembiayaan pinjaman akan memudahkan pertimbangan pengurusan pinjaman oleh institusi-institusi berkenaan.

Kemasukan SPNB di dalam pasaran perumahan kos rendah ini akan dapat mengawal pasaran supaya dapat orang-orang yang berkemampuan membelinya dan menghindarkan aktiviti spekulasi.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah SPNB ini akan membina rumah-rumah kos rendah di seluruh negara dan kalau ia sebagai contoh, di Sabah umpamanya, kita ada Lembaga Pembangunan Perumahan Bandar yang juga melaksanakan rumah-rumah kos rendah. Jadi, adakah kerjasama antara SPNB dengan LPPB ataupun SPNB melaksanakannya secara sendiri?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPNB akan memulakan operasinya di Semenanjung Malaysia berdasarkan kepada perumahan dan keperluan kos yang agak mendesak. Kalau di Semenanjung kita akan menumpukan kepada Wilayah Persekutuan dan Selangor, keduanya di Pulau Pinang, dan yang ketiganya di Johor.

Untuk pertanyaan yang kedua, SPNB merupakan pelengkap kepada apa yang telah ada. Jadi, kita berharap dengan kemasukan SPNB kita dapat lagi membanyakkan rumah-rumah kos rendah kepada yang mampu membelinya.

Tuan Ibrahim bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau bercerita tentang rumah kos rendah ini agak sensitif sedikit. Saya ingin tahu adakah kementerian bercadang untuk membeli rumah-rumah kos rendah yang tidak dibeli oleh penghuni-penghuni tempatan yang ada ini. Yang tidak dibeli ini kerana ada beberapa masalah terutama sekali tentang pinjaman, kadangkala pinjaman agak terlewat daripada institusi kewangan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama ialah mengenai cara kerajaan untuk meramaikan lagi orang-orang

kita yang mendapatkan rumah-rumah. Pertamanya, beberapa kerajaan negeri telah pun menetapkan supaya tiap-tiap pemaju dapat memperuntukkan rumah-rumah untuk bumiputera. Sekiranya rumah-rumah bumiputera itu tidak dapat dibeli oleh bumiputera yang berkenaan, kerajaan negeri telah memperuntukkan satu peruntukan seperti di Pahang, di Selangor dan di Perak akan membeli rumah itu dahulu, kemudiannya akan menyewakan kepada orang yang berkenaan. Dengan cara sewa beli misalnya satu daripada caranya supaya dapat orang-orang yang tidak mampu ini menyewa rumah itu apabila sampai ke RM25,000 dia akan mempunyai rumah sendiri.

Dato' Eng Hoi Choo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah SPN melaksanakan apa-apa projek rumah kos rendah di Selangor? Kalau ada, saya ingin membeli sebuah, bagaimana saya dapat membeli? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, SPNB akan menumpukan kepada rumah murah. Jadi, untuk Yang Berhormat membeli tidak layak. *[Ketawa]*

Yang keduanya, apa yang kita lakukan sekarang ini kita mempunyai satu badan dan badan ini akan digerakkan apabila kita mendapat RM1 bilion daripada Petronas. Walau bagaimanapun, oleh kerana SPNB ini baru sahaja ditubuhkan kita akan melihat tahun-tahun yang akan datang pembinaan atau pembelian rumah murah ini daripada pemaju-pemaju akan rancak dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zakaria bin Arshad.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 5.

**TANAH PENEROKA FELDA - LUAS DIMAJUKAN
DAN PAMPASAN**

5. **Tuan Hanipah bin Ahmad [di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) berapa luaskah tanah milik peneroka-peneroka tanah FELDA yang telah dijual kepada pemaju swasta di seluruh negara dan adakah peneroka-peneroka ini dibayar pampasan yang setimpal mengikut harga pasaran semasa; dan
- (b) adakah mereka ini ditawarkan sebarang saham dalam syarikat-syarikat pemaju yang berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan

Koperasi Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Setakat ini sebanyak lima rancangan dengan bilangan peneroka seramai 1,969 orang telah bersetuju menjual tanah rancangan mereka kepada pemaju untuk dibangunkan semula. Keterangan terperinci adalah seperti berikut:
 - (i) Rancangan Cahaya Baru di Johor - jumlah peneroka 431 orang dengan keluasan hektar 1,830.97 dan melibatkan 431 peneroka yang semuanya bersetuju untuk tanah mereka dimajukan dengan harga RM4.50 bagi satu kaki persegi;

- (ii) Rancangan Bukit Cerakah di Negeri Selangor di mana 281 orang peneroka yang merupakan kesemua sekali jumlah peneroka di rancangan itu telah bersetuju untuk tanah mereka dimajukan yang melibatkan kawasan sebanyak 1,257.39 hektar dengan harga RM3.09 bagi satu kaki persegi;
- (iii) Rancangan Sungai Buaya di Selangor yang melibatkan 363 peneroka dengan keluasan 1,496.91 hektar dengan harga RM2.75 bagi satu kaki persegi.
- (iv) Rancangan Kampung LBJ di Negeri Sembilan di mana kesemua sekali jumlah penerokanya ialah 504 orang melibatkan lebih kurang 2,016 hektar. Tetapi untuk rancangan ini hanya 463 sahaja peneroka yang bersetuju untuk tanah mereka dimajukan, manakala 41 orang lagi tidak bersetuju dan harga yang ditawarkan ialah RM4.00 bagi satu kaki persegi.
- (v) Rancangan Sendayan di Negeri Sembilan melibatkan 513 orang peneroka, tetapi yang bersetuju untuk tanah mereka dimajukan ialah sebanyak 431 orang melibatkan lebih kurang 1,724 hektar dan sebanyak 82 orang tidak bersetuju yang

melibatkan lebih kurang 328 hektar. Untuk tanah rancangan ini harga yang ditawarkan ialah RM3.00 bagi satu kaki persegi.

- (b) Sehingga sekarang ini peneroka yang bersetuju menjual tanah rancangan mereka belum ditawarkan saham dalam syarikat-syarikat pemaju yang akan membangunkan semula tanah rancangan mereka.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa satu ketika dahulu FELDA juga memiliki seluas tanah di daerah pedalaman iaitu yang terletak di Keningau, Sabah. Kemudian, baru-baru ini saya telah mendengar khabar-khabar bahawa tanah FELDA tersebut telah dikembalikan kepada kerajaan negeri. Apakah benar berita ini? Soalan ini belum dijawab.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis untuk jawapan ini sebab saya rasa ini tidak ada kaitan dengan soalan yang asal.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kemajuan di negara kita ini kadangkala menukar corak kegunaan tanah, terutama sekali tanah-tanah yang diberikan kepada peneroka-peneroka FELDA yang dahulunya bertujuan untuk membasmi kemiskinan, saya ingin tahu dari pihak kerajaan adakah setakat ini pihak kementerian menerusi FELDA mempunyai satu bahagian khas bagi mengkaji seluruh kawasan di FELDA ini dan menepati kawasan-kawasan mana

sepatutnya diubahsuai dari segi kegunaan tanahnya untuk tujuan pembangunan yang di luar bidang kuasa yang ada sekarang ini, iaitu dari segi pembangunan seperti satellite town, dengan izin, ataupun kawasan-kawasan perindustrian. Jadi, kalau ada, berapakah jumlah tanah atau kawasan di mana kawasan-kawasan yang dikenal pasti untuk tujuan tersebut.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, biasanya apabila tanah-tanah FELDA ini dimajukan, tanah-tanah ini ialah tanah-tanah yang dimiliki oleh peneroka yang telah diberi hakmilik tanah tersebut. Bila mereka mendapati hakmilik tanah barulah mereka boleh memajukan tanah itu dengan pihak-pihak pemaju dengan mematuhi beberapa syarat yang dikenakan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, dalam banyak-banyak hal terdapat kawasan yang perlu dipermajukan sama ada oleh pihak negeri ataupun pihak Persekutuan, dan ini terletak kepada lokasi tanah-tanah FELDA yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam rekod FELDA terdapat 10 rancangan tanah di negeri-negeri yang di dalam rundingan untuk dimajukan. Rancangan-rancangan tersebut ialah seperti yang saya sebut tadi iaitu Sungai Buaya, tarikh batal JSKnya pada 16 Ogos 1995, Bukit Cerakah, Gedangsa, Suharto, Sungai Tenggi, Teratai dan semuanya ini terletak di negeri Selangor, manakala satu rancangan di negeri Perak iaitu di Behrang, dua rancangan di Negeri Sembilan iaitu LBJ dan Sendayan, dan satu di negeri Johor iaitu Cahaya Baru. Jadi, kesemua 10 rancangan tanah tersebut yang terdiri daripada 4,378 peserta dan melibatkan keluasan tanah berjumlah 17,542.23

hektar telah dikenal pasti, dan ada yang telah menandatangani surat perjanjian dan ada yang masih lagi dalam rundingan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. FELDA ialah satu agensi yang diperbadankan, dan kerajaan-kerajaan negeri dan Persekutuan memberi tanah untuk dimajukan atas dasar wang yang diberi kepada FELDA. Saya ingin mendapat penjelasan, bagaimana kalau ada sesuatu rancangan itu terletak pada tempat-tempat yang strategik yang boleh dimajukan, kerajaan boleh beri pula kepada peneroka-peneroka secara individu, sedang wang yang dimajukan oleh FELDA ini adalah wang rakyat. Tidakkah ini bercanggah dengan dasar FELDA itu sendiri? Mengapa sebahagian daripada wang ini tidak dimasukkan kepada satu tabung dan semua peneroka di seluruh negara berhak mendapat keuntungan daripada sesuatu projek itu?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, konsep tanah-tanah FELDA ini pada awal-awalnya ialah untuk menolong peneroka-peneroka yang memerlukan pertolongan ataupun pemberian anugerah tanah daripada kerajaan untuk memajukan keadaan sosiobudaya mereka dan peneroka-peneroka ini ditempatkan di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan oleh kerajaan dengan keizinan ataupun kebenaran daripada kerajaan-kerajaan negeri. Peneroka-peneroka ini dikenakan bayaran untuk mereka membayar kembali wang yang digunakan untuk memajukan tanah rancangan mereka serta, ladang-ladang yang telah diberi kepada mereka. Wang ini dikutip tiap-tiap bulan hinggalah habis dibayar oleh peneroka. Jadi, bila wang ini telah habis dibayar oleh peneroka barulah peneroka ini diberi hakmilik dan bila diberi hakmilik tanah itu sama seperti tanah mana-mana individu yang mendapat hakmilik tanah, sebab dia telah membayar kembali wang yang

sepatutnya dibayar kepada kerajaan. Terpulanglah kepada peneroka itu untuk membuat apa sahaja yang mereka fikirkan sesuai dengan tanah mereka masing-masing. Oleh sebab itu, ada peneroka-peneroka yang tanahnya di lokasi-lokasi yang strategik di mana mereka telah berpakat dengan persetujuan peneroka-peneroka yang lain untuk dimajukan tanah mereka dan hasil daripada usaha sama dengan pemaju-pemaju itu ialah hak peneroka itu sendiri. Kementerian tidak ada hak lagi di atas tanah-tanah mereka ini kerana setelah diberi hakmilik maka tanah itu ialah tanah peneroka itu.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas maklumat yang telah diberikan tadi. Pertama sekali 10 dalam rundingan, maknanya rundingan ini sudah ada persetujuan dan sudah ada permohonan untuk menjualkan tanah-tanah. Soalan saya, lima telah mendapat kelulusan, adakah lagi yang memohon untuk menjual? Adakah yang lain itu termasuk juga satu tanah FELDA iaitu FELDA Chuping di negeri Perlis?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, maklumat terperinci yang saya dapat ialah 10 tadi yang kita dapati mengikut rekod FELDA. Tetapi kemungkinan saya tidak berapa pasti tentang rancangan FELDA yang Ahli Yang Berhormat tanyakan tadi. Tetapi ada kemungkinan kadang-kadang rundingan ini dibuat di luar pengetahuan kementerian ataupun pihak FELDA. Kadang-kadang peneroka ini berunding sendiri dengan pihak-pihak pemaju, dan kemudian bila sudah mencapai satu pakatan ataupun persetujuan, baru dimaklumkan kepada FELDA.

Walau bagaimanapun, pada masa sekarang ini kementerian ada menggariskan beberapa garis panduan untuk diikuti oleh peneroka-peneroka FELDA dan juga pihak-pihak pemaju yang mahu memajukan tanah mereka dan kita pasti dengan adanya garis-garis panduan ini, yang di antara lain mensyaratkan bahawa pihak-pihak yang hendak memajukan tanah rancangan itu mesti mendapat kelulusan dan mesti dirundingkan dengan kementerian dahulu sebelum apa-apa rundingan selanjutnya dapat dijalankan. Kementerian akan mendapat maklumat tentang hasrat memajukan tanah FELDA dengan

kadar yang cepat. Kita percaya bahawa dengan adanya rundingan ini kita dapat juga menolong peneroka-peneroka supaya peneroka-peneroka ini mendapat harga yang setimpal untuk tanah mereka dan dalam masa yang sama dapat juga kita menjaga kepentingan negara amnya.

PROGRAM RAKAN MUDA - KEBERKESANAN PELAKSANAAN

6. **Tuan Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kejayaan dan kelemahan program Rakan Muda mengikut kategori dan keberkesanan peruntukan kementerian ke daerah-daerah.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Kementerian Belia dan Sukan berpendapat pelaksanaan Program Rakan Muda adalah memuaskan. Persatuan-persatuan belia di peringkat nasional, negeri dan daerah telah pun memainkan peranan aktif menjayakan program-program ini. Bahkan institusi sosial yang lain seperti Jawatankuasa Masjid, Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK) dan pelbagai pertubuhan sukarela telah sama-sama menyumbang melaksanakan program ini.

Sejumlah 1,200 persatuan peringkat negeri dan daerah telah terlibat menjayakan program di peringkat masing-masing, manakala 70 persatuan melaksanakan program ini di peringkat nasional. Sokongan pelaksanaan yang menggalakkan telah diperolehi dari kerajaan-kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan juga pihak swasta. Sehingga Julai 1997 sejumlah 3,000 aktiviti telah dilaksanakan di bawah kategori ini. Bagaimanapun, Program Rakan Muda masih boleh ditingkatkan keberkesanan terutama meningkatkan publisiti peringkat negeri dan daerah, memperbanyak peluang dan kali penyertaan kepada peserta bagi tujuan membudayakan gaya hidup dan memperkemaskan lagi modul dan aktiviti agar lebih mantap dari segi pembangunan minda, pembangunan sahsiah diri dan pembangunan nilai ekonomi dan sosial belia.

Akhirnya Kementerian Belia dan Sukan akan sentiasa berusaha membangunkan serta bersedia menerima pandangan dari semua pihak untuk menjadikan program ini sebagai program yang selaras dengan tuntutan dan keperluan masyarakat belia dan negara.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang telah kita maklum, belia merupakan harta negara yang tidak ternilai. Walaupun kita tahu Kementerian Belia dan Sukan telah memainkan peranan untuk membantu dalam masalah ini, tetapi umum mengetahui bahawa belia kita perlu diperkasakan dari segi aktivitinya. Kita lihat banyak gejala sosial yang terlibat dengan belia-belia kita, kadang-kadang kita rasakan kewujudan pejabat belia di daerah-daerah seperti kurang berfungsi. Oleh itu, begitu ramainya belia di kampung dan daerah kita rasa satu gerakan jati diri dan juga ketrampilan kementerian ataupun Jabatan Belia dan Sukan ini perlu diperkasakan, digagahkan supaya semua dapat berfungsi dan berperanan dalam membantu belia-belia kita.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sepenuhnya dengan pendapat Ahli Yang Berhormat.

Tuan Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Program Rakan Muda ini kalau tidak salah saya telah pun dijalankan selama lebih dari dua tahun, perbelanjaannya pun besar juga. Pada masa itu kita ingin mengadakan program ini kerana isu-isu sosial seperti budaya bohsia, lepak, malas dan lain-lain. Jadi, sampailah masa saya mahu tanya di Dewan ini, apa kesannya. Adakah kerajaan dapat mengurangkan masalah-masalah sosial itu yang saya telah katakan. Kalau boleh berikan dengan statistik macam mana masalah-masalah sosial itu dapat dikurangkan?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa penyakit yang dikatakan social ills, dengan izin, atau gejala sosial ini ia bukan sakit macam kita demam panas. Kalau kita demam panas, kita makan Panadol, ia baik dalam masa 24 jam, insya-Allah. Saya tidak setuju dengan kita

hendak menggunakan phrase 'social ills', seolah-olah anak muda dan belia kita semuanya bermasalah belaka. Kita mesti ingat bahawa satu persen sahaja daripada belia yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 23 tahun yang menghadapi setengah masalah. Oleh kerana masalah ini diketengahkan, maka kita semua rasa seolah-olah anak muda dan remaja kita ini tidak guna langsung. Saya hendak menyangkal imej itu, kita mesti ingat bahawa 90% anak muda kita adalah terdiri daripada mereka yang berilmu, berdisiplin, komitmen, pergi ke universiti, mereka kerja kuat, bantu orang tua, emak bapa mereka. Jadi, kita harus mengingati perkara-perkara sebegini rupa.

Kedua, masalah yang dikatakan tadi yang saya tak hendak sebutkan, sebenarnya bukan hanya kerajaan yang patut menanganinya, tetapi ibu bapa, keluarga, komuniti, masyarakat mesti berganding dan bantu-membantu. Kalau ibu bapa tidak menjalankan tugas menjaga anak-anak mereka, takkan pegawai belia di daerah-daerah atau Menteri Belia dan Sukan dapat menjaga anak mereka. Tetapi tidak mengapa, kita sebagai kerajaan yang very caring, dengan izin, kita belanjalah berjuta-juta untuk membantu ibu bapa, keluarga dan masyarakat. Saya pun terlupa apa soalan tadi. *[Ketawa]* Saya rasa sedih apabila mana-mana pergi kita cakap fasal remaja dan belia kita. Kita jangan lupa mereka yang membantu, kalau tidak takkan negara hendak mencatatkan pertumbuhan yang begitu tinggi beberapa tahun kalau tidak kerana 8 juta lebih belia yang ada di negara kita ini. Soalan Yang Berhormat itu nanti pihak kementerian akan mengambil iktibar, insya-Allah, kita akan mengambil tindakan-tindakan yang selanjutnya.

KES JENAYAH DI LEBUH RAYA - PERANAN ANGGOTA POLIS

7. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa pasukan polis yang ditempatkan di Lebuhraya Utara-Selatan lebih merupakan menjalankan tugas trafik daripada berperanan sebagai pencegah jenayah di lebuhraya. Bolehkah kerajaan menyatakan berapakah bilangan jenayah yang dilakukan di lebuhraya yang berikut seperti di Lebuhraya Utara-Selatan Lebuhraya Karak, Lebuhraya Lembah Klang dari tahun 1993 hingga Jun 1997.

Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun anggota polis yang ditempatkan di Lebuhraya Utara-Selatan menjalankan tugas-tugas trafik tetapi mereka juga tidak terkecuali daripada menjalankan tugas-tugas utama anggota polis iaitu memelihara undang-undang, mengekalkan keamanan dan keselamatan negara serta mencegah dan mengesan jenayah.

Sejak 1993 hingga Jun 1997 bilangan kes jenayah khususnya yang melibatkan samun motor lori bermuatan di beberapa lebuhraya di negara ini adalah seperti berikut:

Lebuhraya	Jumlah kes
Lebuhraya Utara-Selatan	26
Lebuhraya Karak	2
Lebuhraya Lembah Kelang	<u>1</u>
Jumlah:	<u>29</u>

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya agak umum sedikit, iaitu persepsi masyarakat terhadap polis, khususnya di lebuhraya, kalau ada sebuah kereta polis peronda di lebuhraya, satu pakatan seolah-olah semua pengguna lebuhraya memberitahu masing-masing, seolah-olah ada musuh di atas jalan, kereta yang datang akan memberi lampu tanda ada polis. Bagaimanakah pihak polis dapat membetulkan persepsi ini supaya polis dapat dilihat sebagai sahabat yang membantu kita di atas jalan, bukan sebagai musuh yang menghalang gerakan kita di atas jalan?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya pun agak umum. Saya rasa kalau kita hendak betulkan persepsi orang ramai terhadap polis seperti apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu, adalah jauh lebih susah daripada kita membetulkan sikap yang memandu kereta ini. Mengapa mereka sangat takut kepada polis, kerana mereka sendiri tahu kebanyakan

mereka ini akan memandu laju, lebih daripada had laju. Oleh sebab itu, dia cuba maklumkan antara satu sama lain ada polis di situ dan mereka tahu ramai orang memandu dengan laju. Daripada statistik saman ekor ataupun saman yang dikeluarkan daripada kamera sebanyak 1.4 juta hanya dalam satu-dua tahun. Ini menunjukkan betapa kerapnya kecenderungan kekerapan rakyat kita melanggar undang-undang. Jadi, kalau sikap ghairah sangat melanggar undang-undang itu dapat dibetulkan, maka bila dia nampak polis dia tidak akan takut, dia rasa ada polis atau tidak ada polis pun tidak mengapa, kerana dia sentiasa ikut undang-undang terutamanya highway code.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa bimbang, kalau orang ramai takut kepada polis itu tidak menjadi masalah, tetapi yang kita bimbang ialah orang ramai benci kepada polis. Apa yang berlaku sekarang ini, kebetulan kita baca berita baru-baru ini ada polis sendiri terlibat dengan bully pemandu dan akhirnya polis itu dapat ditangkap. Ini satu perkara yang saya nampak sudah jadi satu isu lain pula.

Kemudian kalau kita perhatikan macam Yang Berhormat sebut tadi kita hendak beri orang sendiri ubah sikap. Kalau polis atau pegawai kerajaan sendiri yang lalu di jalan raya, dia juga lari lebih, tetapi secara kebetulan kadang-kadang bila polis sudah dapat kesan mereka ini maka saman ekor itu tidak pergi kepada mereka. Inilah saya kata realitinya. Apa cara yang kita boleh buat supaya orang boleh sedar hendak jaga keselamatan, bukan masalah hendak lari lebih daripada had laju tetapi jaga keselamatan, ini yang penting, konsep mendidik jaga keselamatan, bukan melanggar lari had laju lebih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju benar dengan Yang Berhormat, sebab itu pihak kerajaan terpaksa belanja wang yang banyak untuk kempen keselamatan jalan raya untuk menyedarkan orang ramai bahawa kemalangan yang membawa maut itu sebenarnya datang daripada sikap cuai, sikap tidak endahkan keselamatan orang lain, memandu cuai dan sebagainya. Bukan sahaja kempen keselamatan jalan raya itu ditingkatkan. Pada masa yang sama pihak polis sendiri pun kaji tentang mengapakah imej polis itu kadangkala

terjejas kerana anggapan, kerana persepsi dan sebagainya. Polis Diraja Malaysia sendiri telah pun buat banyak kajian baru-baru ini dan mereka sentiasa menghadapi sebarang kritikan. Kadangkala kes yang ditonjolkan ataupun diketengahkan dalam akhbar media, sebelum sesuatu kes itu disiasat memang persepsi macam seolah-olah ada pegawai polis yang menyalahguna kuasa dan sebagainya.

Sebagai contoh, baru dua-tiga hari ini ada satu cerita mengatakan pegawai polis kanan yang beri arahan salah guna kuasa suruh tuju balai polis untuk membuat sesuatu terhadap orang yang kena bully, dengan izin. Sebenarnya hari ini polis telah jelaskan bukan pegawai kanan itu yang salah guna kuasa, pada hal pegawai kanan itu tidak ada di ibu pejabat pun. Beliau sedang bertugas di luar daripada ibu pejabat. Sebenarnya pemuda itu sendiri yang nakal, dia buat panggilan seolah-olah macam polis.

Jadi, ini selalunya apabila sesuatu penjelasan tentang fakta sebenarnya itu dapat, laporannya tidak begitu besar lagi. Tetapi apabila ada satu laporan tuduhan dibuat terhadap seseorang pegawai polis, liputannya paling besar sekali, selepas itu persepsi hendak dijadikan positif sudah susah. Ini memang satu masalah pihak polis, Kementerian Dalam Negeri juga sedang mengatasi. Saya minta kerjasama daripada pihak media massa sama-sama jaga keselamatan orang ramai, jaga imej, kalau tidak betul kita kritik betul. Tetapi fakta itu mesti betul. Kalau sudah dapat satu gambaran lain, kita bantu untuk betulkan. Ini yang kita minta kerjasama.

ALAT MERENJIS AIR BAGI MENGURANGKAN JEREBU - KEBERKESANAN

8. **Dato' Chet Singh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah 'special nozzle' alat merenjis air yang dipasang di atas bangunan tinggi menunjukkan kesan efektif dalam mengurangkan tahap IPU.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, prosedur yang diguna pakai boleh mengurangkan jerebu dan juga suhu pada sekitar kawasan yang dibasahi air tetapi keberkesannya adalah bagi lingkungan yang sangat terhad. Walau bagaimanapun, ianya merupakan satu usaha positif dalam membantu pihak bertanggungjawab menangani jerebu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat.

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 9.

BAKI KREDIT PEMBAYAR CUKAI - BAYARAN BALIK

9. **Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang [di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah kementeriannya bercadang mewajibkan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Unit Pungutan untuk memberitahu pembayar cukai tentang baki kredit (jika ada) apabila Borang J dikirimkan kepada pembayar cukai berkenaan; dan
- (b) adakah kementeriannya bercadang mewajibkan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Unit Pungutan untuk memulangkan wang baki kredit (jika ada) kepada pembayar cukai tanpa dimintanya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa sekarang pembayar cukai diberitahu baki kredit dalam akaun selepas Borang J dikeluarkan, tetapi ianya tidak bagi semua kes. Walau bagaimanapun, di bawah sistem yang sedang dibangunkan, pembayar cukai akan diberitahu tentang kedudukan secara automatik baki yang perlu dibayar.
- (b) Tindakan sedang diambil untuk mewujudkan sistem yang membolehkan bayaran balik dibuat kepada pembayar cukai tanpa permohonan daripada pembayar cukai. Sistem ini akan mula diuji dalam tahun 1998.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan banyak masalah pembayar-pembayar cukai ini sama ada yang tidak dapat membayar ataupun Borang J tidak dapat dikembalikan, apakah kementerian berhasrat untuk mewujudkan akauntan daripada kementerian itu sendiri?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku sekarang ini pembayar cukai bukan sahaja daripada pihak awam, tetapi juga pihak swasta. Jalan yang paling senang yang kita akan dapat buat ialah di masa-masa akan datang kita akan minta pegawai itu sendiri atau organisasi yang berkenaan, jika pihak swasta, membuat self-assessment, iaitu borang itu diisinya sendiri dan dia sendiri akan membayar cukai, bergantung kepada assessment dia sendiri. Pihak kerajaan akan membuat secara sampling kepada assessment yang telah dilakukan. Dengan cara ini dapat kita mengurangkan masalah-masalah pembayaran yang lebih ataupun masalah-masalah pungutan yang berkaitan.

PELABURAN SYARIKAT MALAYSIA DI LUAR NEGARA - JUMLAH

10. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah keluaran wang yang telah dan akan dibuat mengikut perancangan pelaburan oleh syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negara; dan
- (b) namakan lima syarikat terbesar dan jumlah pelaburan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak tahun 1992 hingga Julai 1997 mengikut angka-angka yang ada di Bank Negara syarikat-syarikat Malaysia telah melabur sejumlah RM29.4 bilion di luar negara.

Pelaburan ini tertumpu di lima buah negara, iaitu Singapura (RM7.3 bilion), Hong Kong (RM4.3 bilion), Amerika Syarikat (RM4.1 bilion), United Kingdom (RM2.3 bilion) dan Australia (RM2 bilion). MITI tidak mempunyai angka anggaran pelaburan yang akan dibuat di masa akan datang oleh kerana syarikat-syarikat adalah bebas melabur di mana sahaja yang difikirkan sesuai tanpa mendapat apa-apa kelulusan terlebih dahulu dari MITI.

- (b) Mengenai lima syarikat terbesar dan jumlah pelaburan mereka, MITI tidak mempunyai maklumat mengenainya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat ada menyebut jumlah pelaburan di luar negara ialah RM29.4 bilion dari syarikat-syarikat tertentu. Adakah jumlah ini boleh menjadi salah satu dari punca menyebabkan keadaan mata wang kita terjejas dan ekonomi kita menghadapi masalah. Itu yang pertama.

Bagaimana kedudukan syarikat-syarikat tersebut dari segi prestasi dan jaminannya.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, apa jadi kepada syarikat itu, apa maksudnya?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sama ada perjalanan syarikat itu terjamin keuntungan?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Oh, okay!
Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi sama ada pelaburan ini menyumbang kepada current account deficit. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak

melabur di sesebuah negara, kita ada dua cara dari segi kewangan; sama ada kita dapat kewangan dari negara tersebut ataupun kita dapat dari negara kita, kita bawa ke negara itu. Di negara tersebut kita boleh dapat dua cara juga sama ada kita melalui 'equity financing' ataupun kita mengikuti 'debt financing'. 'Equity financing' maknanya kita keluar syer, debt financing bermakna kita dapat hutang dari bank. Jadi, kalau kita bawa duit dari luar negara kita, kita bawa ke negara tersebut, ini mengakibatkan pengaliran wang, apabila kita pinjam duit dari sana dan kalau kita tidak boleh bayar daripada dividen keuntungan daripada negara di mana kita labur dan kita terpaksa bayar hutang dalam negara tersebut, kita bawa keluar wang dari negara kita, ini juga akan mengakibatkan aliran wang tunai dari negara kita. Jadi, ada banyak cara dari segi kombinasinya ada banyak cara yang boleh digunakan.

Yang keduanya, berkenaan dengan

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Saya minta laluan. Tadi kita dengar RM29.4 bilion ini duit kita keluar pergi tempat yang kita labur, di negara luar. Ini makna duit daripada Malaysia dibawa keluar. Adakah itu memberi kesan kepada kejatuhan mata wang kita dan boleh memberi kesan kepada keadaan ekonomi?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya adalah jawapan yang kita terima dari Bank Negara dan MITI ialah syarikat-syarikat Malaysia telah melabur sejumlah RM29.4 bilion. Ia tidak diperincikan sama ada duit datang dari Malaysia mahupun datang

daripada sana. Ini dari segi 'investment per se', Pelaburan ini oleh syarikat Malaysia dan di sini tidak ada diperincikan oleh Bank Negara dari segi ini.

Soalan nombor dua tadi oleh Ahli Yang Berhormat ialah sama ada, ada keuntungan atau tidak. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi dividen dan keuntungan didapati berdasarkan kepada sistem laporanimbangan pembayaran berasaskan tunai ataupun cash balance of payment reporting system yang dikeluarkan oleh Bank Negara, jumlah keuntungan dan dividen yang dibawa balik adalah sebanyak RM2.7 bilion bagi tahun 1991 hingga 1996 dan sebanyak RM972 juta dalam tujuh bulan yang pertama 1997.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada negara yang disebutkan tadi, kita pun tahu bahawa misi pelaburan dibuat juga ke negara-negara di benua Afrika, di Amerika Selatan dan sebagainya. Jadi, saya hendak tahu bagaimana kedudukan pelaburan di negara-negara berkenaan?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, saya telah beri tadi contoh lima buah negara di mana tumpuan dibuat dari segi pelaburan. Kita ada juga contoh seperti Afrika Selatan di mana jumlah pelaburan dari 1992 hingga 1997 sebanyak RM316.9 juta, Brazil dan Amerika Selatan tiada. Ada negara-negara yang lain seperti Thailand, Vietnam tetapi jumlahnya kecil, kalau hendak saya boleh berikan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Secara notislah ya.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Ya.

PERTANIAN BERTEKNOLOGI TINGGI - PENGLIBATAN PARA BELIA

11. **Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah kementerian bercadang menarik dan melatih belia menceburi bidang pertanian yang berteknologi kerana bidang pertanian mendatangkan hasil yang lumayan tetapi minat belia di bidang itu terlalu kurang.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang menggalakkan belia-belia menceburi bidang pertanian yang berteknologi tinggi dan bagi tujuan ini beberapa program telah dirangka khusus untuk memberangsang pembangunan sektor tani di kalangan belia-belia serta juga petani-petani yang sedia ada yang berkemampuan untuk meningkatkan kegiatan mereka dalam bidang pertanian.

Di antara program latihan atau pembangunan yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah:-

- (i) dalam bidang pembangunan keusahawanan tani di peringkat Persekutuan dan negeri yang memberi latihan kepada belia dan petani dalam bidang pengurusan projek, penggunaan teknologi pertanian yang intensif, pemilihan komoditi bernilai tinggi dan pemprosesan dan pemasaran yang lebih sistematik serta menguntungkan;
- (ii) melalui Jabatan Pertanian setiap tahun di antara 12 hingga 15 orang belia tani akan dihantar berkursus di Jepun di bawah program Japan Economic Comprehension (JAEC).

Sehingga kini lebih 120 orang belia telah mengikuti kursus dan apabila kembali telah menjalankan perusahaan yang berkaitan. Lebih dari 60 orang dari mereka telah berjaya menjalankan projek-projek seperti nursery dan lain-lain penanaman sayur secara komersial;

- (iii) belia-belie juga telah digalak untuk melibatkan diri secara aktif di dalam projek-projek berkelompok buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman ladang seperti golongan pelapis. Kini terdapat kira-kira 3,000 projek berkelompok di bawah Jabatan Pertanian;
- (iv) bagi projek pemprosesan makanan, belia wanita juga digalak menceburkan diri dalam projek-projek di bawah bimbingan Jabatan Pertanian. Sehingga kini terdapat kira-kira 1,162 projek dengan penglibatan lebih daripada 1,000 belia wanita;
- (v) di samping itu Institut Pertanian pada setiap tahun mengeluarkan kira-kira 240 penuntut. Semasa di institut, mereka didedahkan kepada pengajian keusahawanan untuk membolehkan mereka berkecimpung dalam industri berasaskan pertanian. Di antara pengkhususan yang disediakan ialah lanskap, pemprosesan makanan dan perladangan tanaman serta ternakan; dan

- (vi) pelaksanaan program tanaman agro teknologi di peringkat negeri yang memberi kemudahan infrastruktur kepada usahawan-usahawan secara sewaan dan pajakan untuk pengeluaran pertanian yang berdaya maju secara komersial dan berasaskan teknologi moden.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan, yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai langkah yang berterusan dalam jangka panjang. Dalam suasana ekonomi yang melibatkan pengimportan bahan makanan yang melebihi RM8 bilion, apakah langkah konkrit, strategik dan serta-merta ataupun segera untuk mengatasi dan mengurangkan pengimportan bahan-bahan makanan dalam suasana hari ini.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, langkah utama yang sedang disusun oleh Kementerian Pertanian Malaysia ialah memperkenalkan kembali program Buku Hijau di mana kita akan kempen supaya setiap suri rumah dan juga kanak-kanak sekolah dapat diberi pendedahan dengan program Buku Hijau di mana program ini bertani sebagai satu hobi dan bertani ini bukan untuk jualan, bukan untuk komersial tetapi untuk kegunaan harian masing-masing. Dan kita telah mengarahkan seluruh pertubuhan peladang negeri hendaklah menyediakan benih-benih dengan mengadakan nursery supaya orang ramai boleh membeli sama ada dua atau tiga pokok kobis, cili yang berbaka baik dan lain-lain lagi.

Di samping itu, kita juga sedang minta tuan-tuan punya ladang kelapa sawit supaya dapat melibatkan diri dalam ternakan lembu biri-biri secara besar-besaran kerana kita import lebih daripada 70,000 tan daging lembu yang melibatkan hampir RM400 juta walhal kita sendiri mampu mengeluarkannya.

Yang ketiga, kita juga minta supaya pihak swasta melibatkan diri dalam bidang ternakan ikan di laut lepas, laut terbuka di samping sungai, tasik, kolam dan lain-lain lagi. Kita juga telah merayu kepada tuan punya tanah sawah supaya dibuat secara berkelompok dengan harapan pengurusan secara ladang dapat dibuat. Sehingga kini kita import lebih daripada 400,000 tan beras setiap tahun dan melibatkan hampir RM0.5 bilion dan kita juga mengarahkan supaya bidang perikanan diberi tumpuan khususnya laut dalam, khususnya bagi negeri Sabah dan Sarawak kerana masih ada lagi ruang-ruang yang kita terokai kerana kita juga import ikan hampir 400,000 tan yang memakan belanja hampir RM0.5 bilion. Jadi, dengan adanya langkah awal dan kementerian telah menubuhkan empat jawatankuasa bertindak segera iaitu:

- (i) Jawatankuasa berkaitan dengan tanaman padi dan jagung yang dipengerusikan oleh Pengarah MARDI;
- (ii) Jawatankuasa berkaitan dengan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pertanian;
- (iii) Jawatankuasa berkaitan dengan ternakan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Haiwan; dan

- (iv) Jawatankuasa berkenaan dengan perikanan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perikanan.

Dengan langkah segera ini, saya yakin insya-Allah kita akan dapat mengatasinya sedikit demi sedikit.

Dato' Eng Hoi Choo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Petani-petani kita memang minat berusaha dalam bidang pertanian khususnya bagi tanaman jangka pendek. Walau bagaimanapun, mereka seringkali menghadapi macam-macam masalah. Masalah utama adalah harganya misal tanaman harian apabila mereka menanam halia, mereka menghadapi persaingan daripada halia import dari Indonesia. Jadi, kadangkala sesudah mereka menanam dan mendapat hasil dan mereka gagal mendapat harga yang sepatutnya. Jadi, apakah tindakan Kementerian Pertanian dapat membantu petani-petani ini untuk menggalakkan mereka lebih menanam untuk makanan, untuk rakyat sendiri.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui ramai orang bercakap, bila kita berada dalam keadaan mewah, ramai dari rakyat Malaysia bercakap tak usah tanam kerana lebih murah kita import, maka dasar kementerian kita importlah. Tetapi bila kita meleset, semua orang kata Kementerian Pertanian yang salah, mengapa tak tanam. Jadi, pada saya memang betul, dasarnya sering berubah bukan Al-Quran yang tidak boleh diubah-ubah, tetapi takkanlah dalam masa dua bulan duit kita jatuh, dua bulan juga boleh mengeluarkan segala-galanya, sebab itu kita kena merancang.

Jadi, saya bersimpati dengan Ahli Yang Berhormat dan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu betul-betul kerana dahulu kita hendak murah importlah, misalannya kobis 80% kita import, tetapi kobis kita jatuh harga, sebab harga import lebih murah. Tetapi kalau ada lagi berlaku selepas kita meleset ini maka saya beri jaminan kita tidak akan berlaku lagi sebab kawalan import kita akan kawal sepenuhnya.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat bekerjasama dengan kita dengan harapan dalam masa yang singkat kita boleh memperbaiki kelemahan yang ada.

Tuan Tee Thiong Hock: Minta laluan!

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan?

Tuan Tee Thiong Hock: Minta laluan. *[Ketawa]* Seronoklah saya mendengar jawapan ini kerana bila semalam saya tanya Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, dia kata lebih baik kita import kerana kita kalau jadi petani pengeluaran kita lebih mahal dan import lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya di sini yang mustahak sekali ialah mengikut pakar-pakar di dunia setiap sebuah negara keperluan makanan bertambah sekali dalam masa setiap 30 tahun, jadi dua kali ganda. Jadi, dari segi perancangan patutlah kita ada teknologi tanah dan juga orang yang mengusahakan bidang pertanian. Jadi, di sini saya ingin bertanya macam mana Kementerian Pertanian boleh dapat menggalakkan lebih ramai petani-petani menyertai bidang pertanian ini?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa memang saya akui kalau dahulu kerajaan suruh import tetapi bila keadaan meleset memang kita kena mengeluarkan sendiri.

Saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa dalam circle 30 tahun mungkin ia akan bertambah sekali ganda kerana pertambahan penduduk. Tetapi walau bagaimanapun kalau hendak kata kos pengeluaran kita terlalu tinggi, setengah-setengahnya tidak berapa tepat, sebabnya misalnya pengeluaran padi, kita ialah negara yang ke sepuluh tertinggi dengan kos pengeluaran padi, yang pertama Amerika Syarikat. Jadi, kita yang ke sepuluh masih lagi rendah tetapi kalau dibanding dengan Thailand, Indonesia, Filipina memanglah kita tinggi sedikit sebab taraf hidup kita lebih tinggi daripada mereka.

Jadi, tentang apa yang Ahli Yang Berhormat katakan itu, soalnya sekarang kita tidak boleh menarik ramai orang masuk dalam sektor pertanian, kalau ramai orang dalam sektor pertanian maka pendapatan dia itu macam Ahli Yang Berhormat katakan, kalau sekali ganda dia punya volume itu diagihkan kepada ramai maka jadi miskin. Jadi, sebab itu kita limitkan berapa yang agak boleh kita majukan. Kita tidak boleh

Tuan Tee Thiong Hock: Minta laluan! Kerana memandangkan kepada kebesaran business pertanian ini memang cukup besar kerana ikut statistik yang ada di sini, pada masa sekarang jumlah import negara kita sampai

RM10 bilion, saya percaya semua Ahli Senator masuk bidang pertanian semua pun boleh jadi jutawan juga. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dengan Ahli Yang Berhormat bahawa import kita RM10 bilion, dijangka RM10.2 bilion tahun ini, last year RM9.1 bilion, jadi macam saya katalah walau RM10 bilion Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat panggil semua orang masuk dalam RM10 bilion, jadi kecillah. Jadi, sebab itu saya katakan limitkan seberapa yang mampu. Misalnya kita dengan FELDA kita beri sepuluh ekar seorang, mana ada tanah lagi dalam Malaysia ini hendak diberi sepuluh ekar? Jadi, kita tidak boleh meniru 100% kita punya pertanian ala Amerika Syarikat, ala New Zealand sebab mereka New Zealand empat juta sahaja populationnya, sedangkan tanahnya begitu besar, yang kita ini kebanyakannya average petani di Malaysia satu hektar sahaja setiap orang. Jadi, kita tidak mungkin dapat mengadakan industri yang melibatkan ramai orang, kalau terlalu ramai yang miskin.

Tetapi kementerian saya tadi telah mengumumkan rancangan Buku Hijau diteruskan, ini semua orang terlibat kerana untuk makan sendiri, jangan untuk jual, nanti problem besok. Jadi, saya bersetujulah apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat kita sama-sama memastikan RM10 bilion itu tidak boleh kita bawa keluar semua Yang Berhormat, apple belum boleh keluar, anggur belum boleh keluar, jagung belum boleh keluar, secara besar-besaran ya. Saya jangkakan mungkin dalam RM3 bilion hingga RM4 bilion kalau kita boleh keluarkan, insya-Allah kita boleh keluarkan dalam jumlah RM10.2 bilion

yang dikatakan kita import itu, yang lain itu tetap kita importlah, misalnya gandum mesti import, sebab itu saya minta supaya dapat cari alternatif, kalau sekarang makan roti canai, makan roti burger, tukarkan makan nasi dagang, nasi lemak, makan nasi goreng, tomyam, kueteow, tosei. Jadi, ini maksud saya tukarkan kerana dengan cara pertukaran itu import gandum RM700 juta, jadi kita kurangkan RM700 juta ini kepada RM300 juta. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 43 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[10 Disember 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman, sila menyambung ucapan, barangkali dalam sepuluh minit sahaja lagi.

3.50 ptg.

Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyambung tentang perbahasan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1998 yang

dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya tepat sekali apa yang dibuat oleh pihak kerajaan sekarang mengatasi jangkaan kita kalau sekiranya Malaysia didedahkan kepada kehendak-kehendak dana kewangan antarabangsa IMF, resipi yang serupa akan diajukan kepada kita iaitu mengurangkan defisit semasa daripada 5.2% KNK kepada 4% dan kini mungkin 3%, meningkatkan lagi surplus kita dari segi belanjawan dan menentukan hutang kita di peringkat antarabangsa tidak melebihi had dan yang penting sekali dari segi mega-mega projek yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan telah pun ditunda atau ada pula yang dibatal. Tetapi saya ingin menerokai pendekatan dari segi peranan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat majalah *Asiaweek* 21 November 1997, daripada 1,000 syarikat-syarikat besar di Asia termasuk Australia di kawasan kita ini, kita dapati 14 buah syarikat-syarikat di Malaysia terkandung di dalam senarai itu dan daripada 14 buah syarikat ini 8 daripadanya adalah syarikat-syarikat yang mula-mula sekali ditaja oleh pihak kerajaan. Yang pertama sekali, kita ucapkan syabas kepada Petronas yang juga termasuk di dalam senarai *Fortune 500* yang terbesar di dunia. Selepas itu Tenaga, EON, MAS, Telekom, Proton, Malaysian LNG, Petronas Dagangan, ini semuanya ditaja oleh pihak kerajaan pada satu ketika dan kini dapat bertapak dengan kaki sendiri untuk menerokai bukan sahaja kegiatan-kegiatan di negara kita bahkan di peringkat antarabangsa.

Tetapi soalnya sekarang, apakah syarikat-syarikat ini akan menyumbangkan kepada pemulihan semula kedudukan ekonomi kita kerana saya dapati syarikat MAS misalnya, ini saya hendak minta pihak kerajaan ‘check’lah, dalam keadaan kita berdepan dengan cuaca ekonomi yang kurang baik akan melancarkan logo baru, logo baru hendak tukar, apabila hendak tukar logonya, pakaiannya juga semua hendak tukar saya difahamkan akan menelan belanja dekat beratus-ratus juta ringgit dan ini kemungkinannya ianya dibuat pula oleh konsultan dari luar negara.

Di dalam syarikat-syarikat di mana kerajaan mempunyai hak dari segi pemegang sahamnya, saya merasakan kita tidak perlu membenarkan kegiatan syarikat berjalan tanpa teguran dari pihak kerajaan dan pihak MAS, sahabat saya Tan Sri Tajuddin pun ada di situ, Dato’ Wan Malek pun ada di situ, semuanya hebat-hebat belaka, tetapi mesti akur juga dari segi keperluan keadaan semasa dan kehendak kerajaan, apabila ianya ditegur kita perlu menjawab secara terbuka.

Saya tak mahulah sahabat saya dan sahabat-sahabat yang lain dalam pihak kerajaan nanti bila kita tegur syarikat-syarikat di mana kita mempunyai kepentingan kerajaan kita diseret ke mahkamah, perkara ini seolah-olah kita mewujudkan raja-raja korporat. Raja-raja korporat ini sepatutnya mesti akur di mana syarikat-syarikat itu ditubuhkan dan pada masa yang sama saya perhatikan juga di dalam kita menswastakan sesuatu projek, kita tengokkan ianya mungkin satu kelab seolah-olah orang-orang itu sahaja yang mendapat projek-projek yang diswastakan itu. Dan ada juga projek-projek setelah

diswastakan dijual kepada orang-orang lain dan mereka mendapat keuntungan, orang yang sama dan kumpulan yang sama akan diberi pula projek-projek swasta yang lain.

Saya hendak tahu daripada pihak kerajaan, berapa buahkah projek yang diswastakan kepada mereka ini dijual kepada orang lain, lepas itu mereka juga menerima pula projek-projek swasta yang lain kerana negeri kita ini luas dan orangnya ramai dan ramai juga orang yang mempunyai kewibawaan untuk menikmati projek-projek penswastaan ini. Kerana kalau sekiranya orang yang sama atau kumpulan yang sama dan saya hendak tahu juga kalau pihak kerajaan apabila kita menswastakan sesuatu projek, kita mesti meminta kepada pemegang-pemegang sahamnya supaya mereka mengangkat sumpah mengatakan mereka bukannya nominee mana-mana pihak kerana ini menimbulkan tidak wujudnya ketelusan kalau sekiranya orang itu, pemegang saham itu merupakan nominee sekumpulan tertentu.

Jadi, kalau kita memerlukan perkara ini dapat melebar dan meluas, kita rasa projek penswastaan patut diawasi dengan baik kerana bimbang sangat apabila kita swastakan, orang yang mendapat penswastaan ini seolah-olah kita mewujudkan raja-raja korporat. Saya sebut raja-raja korporat ini kadangkala mereka lupa tentang lunas-lunas perundangan, pakai redah sahaja. Sekarang ini saya lihat dalam suratkhbar pun ada menyebut Renong-UEM mungkin sekarang Securities Commission pun hendak check, semua orang hendak tengok, adakah perkara itu dibuat mengikut lunas-lunas, peraturan-peraturan sungguhpun kita mempunyai kaitan yang rapat dengan pihak kerajaan, kita

sepatutnya juga mesti mengakuri dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Di sini juga saya meminta pihak kerajaan kalau sekiranya Dewan Rakyat, Dewan Negara menonjolkan soalan-soalan berkenaan dengan PLUS, kita kaji semula, kita tengok semula dari segi syarat-syarat terma-terma penswastan lebuhraya ini tadi. Saya hendak tahu dari pihak kerajaan adakah jumlah anggaran kenderaan disebut tahun demi tahun dan apakah perbezaannya dengan jumlah sekarang, kalau ianya melebihi anggaran awal bererti keuntungan yang didapati oleh pihak PLUS lebih daripada yang dianggarkan kerana kelebihan daripada jumlah kenderaan yang menggunakan lebuhraya. Mungkin ini sebabnya mereka dapat membayar beberapa banyak seperti yang disebutkan oleh saudara saya dari Sabah sampai tujuh bulan, tiga belas bulan bonus, kita mesti tahu kerana kita tidak mahu rakyat jelata mengaitkan bonus yang kita bayar kepada pekerja-pekerja PLUS adalah atas pembayaran tol dari rakyat jelata yang kurang dari segi pendapatan.

Kita tidak mahu kita memberikan seolah-olah subsidi kepada PLUS untuk membayar bonus-bonus yang begitu tinggi dan rakyat terpaksa memberi subsidi seolah-olah kena membayar tol dan kalau sekiranya dari segi pembiayaan projek PLUS itu dari segi kewangannya terpaksa berhutang dalam masa sepuluh atau dua puluh tahun dan kita kaitkan dari segi pendapatan dari kutipan tol, perlu kita ubah, kita panjangkan lagi, kita beri konsesi lebih panjang tetapi saya lihat apabila PLUS menuntut sahaja kalau tidak naik tol, kerajaan bayar balik, saya difahamkan tahun lepas RM170 juta kena bayar

kepada PLUS, ini saya minta penjelasan dari pihak kerajaan, kalau ianya betul, semak semula kerana ini merupakan rungutan rakyat jelata yang menggunakan lebih raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah syarikat-syarikat yang besar-besar ini di mana kerajaan mempunyai kepentingan macam Petronas seperti yang telah disebutkan oleh saudara saya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali tempoh hari sepatutnya mesti peka dari segi keperluan semasa, kehendak semasa, perbezaan ataupun perubahan lanskap ekonomi yang kita hadapi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh dari segi membaikpulih imej negara kita, di dalam ucapan untuk hendak menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya ada menyebut peranan Kementerian Penerangan patut dipertingkatkan kerana kalau sekiranya ia tidak mampu memulihkan kembali imej negara kita daripada mass media antarabangsa yang mengutuk kita dengan pelbagai cara mengatakan kepimpinan kita tidak baiklah, mengatakan tidak adanya ketelusan dan liberalisasi dari segi perdagangan dan sebagainya, memburuk-burukkan kita sehinggakan penarafan kita dalam kaca mata 'moody's, dalam kaca mata Standard and Poor's menurun dan menjunam dan indeks inilah yang digunakan oleh pelabur-pelabur asing apabila mereka hendak melabur ke negara kita. Mereka melihat indeks penarafan kita, setakat mana kita ditarafkan oleh agensi-agensi antarabangsa ini, mereka tidak hanya menerima penarafan yang

dibuat oleh Syarikat Agensi Penarafan Malaysia, mereka akan merujuk kepada penarafan yang dibuat oleh 'moody's' dan Standard and Poor's.

Jadi, saya sarankan dua, tiga hari dahulu supaya mereka yang kita anggap mempunyai kepakaran, saya sebutkan nama Tan Sri Ghazali Shafie, Tan Sri Razali yang sekarang ini di United Nations di Bangsa-Bangsa Bersatu, Tan Sri Kamil, Tengku Razaleigh, Tan Sri Musa Hitam tidak kiralah, orang-orang lama ini kita jadikan envoy, rantau-rantau tertentu untuk berdepan dengan *Washington Post*, untuk berdepan dengan *Financial Times* dan sebagainya kerana kita memerlukan imej itu dikembalikan, membantu dan menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk mengatasi masalah keyakinan kepada ekonomi kita, keyakinan kepada politik kita, mengembalikan keyakinan yang terhakis itu.

Saya juga hendak menyentuh dari segi kualiti. Kualiti amat penting, saya perhatikan, saya ada melihat Berita Perdana 20 November 1997, apabila pembaca berita diisikan pula dengan klip-klipnya, lepas itu sepanjang klip itu ditunjukkan dalam Berita Perdana ini, dia berdekah-dekah, berdesing-desing di belakang dan suara itu terkeluar. Saya hendak tahu dari segi quality control dan perkara ini kerap sangat berlaku, klip keluar sahaja, kadang-kadang kita dengar dia berbisik, suara-suara bisikan keluar. Jadi mana wujudnya kualiti kita untuk hendak mendedahkan cara kita dengan IT dan sebagainya sehinggakan Berita Perdana kita dapat dikacau oleh dekah-dekahan di belakang klip.

Menyentuh tentang kualiti juga, jalan-jalan kita di Kuala Lumpur ini, lubang di sana sini sebesar gaung kadangkala dan kadang-kadang diletaknya benda macam bendera, habis diredah oleh kereta-kereta kecil. Saya tengok kadangkala bukan main merbahayanya. Jadi, kalaulah sekiranya ada pengawasan kualitinya tadi, saya hendak mengingatkan dari segi kualiti, kita ada belanjawan dan sebagainya, kita ada pengawal selia dari segi kualiti, kita hendakkan perondaan dijalankan, baik oleh DBKL, oleh JKR, oleh mana-mana pihak yang terbabit supaya seminggu sekali kalau tak boleh buat hari-hari dan buat laporan dan dibaiki supaya selamat keadaan kita. Lepas itu saya lihat dari segi pembangunan di sekitar kawasan Kuala Lumpur dengan wujudnya pembangunan yang rata-rata ini, banjir kilat berlaku, siapa yang menyiasat, apakah sebabnya berlaku banjir kilat, kadangkala isteri kita yang bekerja, balik ke rumah sampai pukul 10.00 malam apabila wujudnya banjir kilat di tempat-tempat yang tertentu. Kita pun tak berani hendak tanya daripada mana yang menjadikannya lambat ini, oleh sebab kita tahu kerana ini mungkin jalan-jalan yang teruk banjir kilat, lubang, trafik dan pelbagai macam lagi.

Tuan Yang di-Pertua, soal kualiti patut ditekankan dalam apa sahaja bidang, baik dari segi penyiaran, penyebaran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada menyentuh beberapa soalan berkenaan dengan tenaga mahir kerana teori ekonomi kita sekarang bukan lagi berlandaskan kepada tiga faktor, kalau dahulu tanah, modal dan tenaga, ini knowledge, ilmu, merupakan tenaga yang paling hebat. Apabila bertukarnya anjakan paradigma dari segi pendekatan ekonomi cara baru ini yang penting

yang boleh menentukan masa depan sesebuah negara ialah tenaga mahir, knowledge (ilmu), kebijaksanaan. Dan bila kita tengok total productivity factor akan dicerminkan oleh kemahiran ini.

Tuan Yang di-Pertua, total productivity factor antara tahun 1987 hingga 1990 saya diberitahu 2.9% tetapi tahun 1991 hingga 1996 menurun 0.9% dan pada masa yang sama saya sentiasa mempersoalkan, apakah caranya kita hendak mengatasi masalah buruh, masalah tenaga yang kita import secara halal dan haram 1.7 milion tenaga pekerja asing. Dalam jangka masa lima tahun apakah kedudukan untuk hendak menurunkan tahap ini sehingga kepada '0' - kosong dalam lima tahun yang akan datang kerana ia diisi oleh tenaga mahir yang kita latih sendiri, kekosongan yang dibuat oleh pengeluaran tenaga asing.

Saya lihat dalam buku laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia, ini pertama kali saya tahu wujudnya lembaga ini, Majlis Pembangunan Sumber Manusia, kutipan wang dalam majlis itu RM300 juta lebih, ini levi dari syarikat-syarikat, dia mengatakan dia membelanjakan RM125 juta setahun untuk memberi latihan kepada syarikat-syarikat yang menjadi ahli membayar levi. Saya dengar cerita banyak lagi institusi yang lain, yang menjalankan kerja yang sama. Soalnya sekarang kalau kita hendak membanteras tenaga-tenaga dari luar ini, kalau kita hendak meningkatkan total productivity factor, kalau kita percaya apabila ekonomi diliberalisasikan, apabila wujud globalisasi kita berdepan dengan pasaran dunia yang perlu bagi kita untuk mempunyai cutting edge, untuk mempunyai dari segi pemasaran yang lebih tajam, yang lebih kuat, yang lebih hebat, tenaga mahir,

knowledge, kita memerlukan satu pendekatan, satu strategi yang mempunyai satu unit sama ada Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, EPU. Saya hendak tanya di mana kita hendak letakkan Unit Perancang Tenaga Mahir untuk kita berdepan dengan masalah ekonomi pada masa-masa yang akan datang.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya menyarankan wujudkanlah satu unit khas di mana Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan majlis-majlis yang ada kaitan dengan tenaga manusia ini digabungkan, kita unjurkan keperluan kita lima tahun sehingga tahun 2020, keperluan kita setiap level, setiap tahap, lepas itu cara hendak menurunkan dari segi pergantungan kita kepada tenaga-tenaga murahan ini kerana apabila kita bergantung kepada tenaga murahan, kita sebenarnya, dengan izin, condemning our economy to a very low productivity level dan ini akan memudaratkan kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada pihak kerajaan mewujudkan secepat mungkin satu majlis khas khusus untuk melahirkan satu strategi bagi menentukan tenaga mahir, knowledge base labour force, dengan izin, akan wujud untuk membanteras cabaran-cabaran yang kita akan hadapi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya juga mengharapkan kepada pihak kerajaan apabila kita memotong dari segi belanjawan 18% campur 2% jadi 20%, saya hendak memohon supaya Kementerian Pendidikan misalnya kalau hendak hantar orang-orang kita hendak belajar di luar negeri

saya difahamkan ada anak-anak kita tergendala terutama yang ada twinning programme, maknanya lepas sahaja twinning dengan universiti tempatan, dia ada peluang untuk pergi belajar ke luar negeri pada tahun akhir atau tahun ketiga, jadi saya hendak bertanya benar atau tidak ada anak-anak kita di institut pengajian tinggi ini kerana kita telah potong belanjawan kita untuk menghantar mereka ke luar negeri terkandas tidak dapat masuk ke universiti tempatan kerana tiada tempat dan ada pula anak-anak kita yang mempunyai pencapaian yang amat tinggi, kalau ikut grading Amerika ini empat, buat perubatan dan dihantar ke Indonesia seolah-olah Indonesia merupakan, saya tidak memperkecilkan negara-negara jiran, seolah-olah negara Indonesia ini dari segi perubatan terkenal, saya hendak mohon izin Dewan yang mulia ini kalau ini berlaku mohon izin, put the big full stop, kerana ianya akan mengandaskan dari segi pemikiran dan motivasi anak-anak kita. Kalau kita tahu ianya perlu dihantar ke Dublin atau hantar ke London atau ke Cambridge atau ke mana-mana sahaja kerana dengan tahap pencapaiannya yang begitu tinggi, kita perlu hantar ke sana, jangan kerana kita tidak ada duit kita hendak berjimat, kita memudaratkan anak-anak kita ini dan menghantar ke tempat-tempat sebagai kalau dekat pun luar negeri juga, memanglah luar negara, tetapi soalnya institusi kepada mereka yang berhak mengikut pencapaian yang amat tinggi itu kita jangan mengecewakan dan jangan mematahkan harapan mereka kerana ini adalah keperluan kita jangka panjang. Biarlah mereka dapat scholarship antarabangsa atau apa sahaja kerana dia pandai hantarlal, inilah masanya kita menghantar dan tenaga mahir dalam segala bidang, teknologi maklumat dan

sebagainya pada masa ini dalam keadaan ekonomi kita tergugat kita membuat seolah-olah incubator, satu nursery. Apabila ekonomi kita meningkat kalau ianya mengambil masa dua tahun, dua tahun kemudian kita sudah ready. Jangan pada masa itu kita hendak mencurahkan kewangan untuk hendak meningkatkan kemahiran kita, now pada masa sekarang, ini mesti menjadi strategi kita, memandangkan ekonomi akan meningkat dua tahun lagi, setahun lagi atau tiga tahun lagi, sekarang kita telah pun menyiapakan tenaga untuk berdepan pada masa apabila ekonomi kita meningkat. Ini strategi, jangan sekali gus kita memotong belanjawan itu, kita patut tingkatkan, inilah masanya kita meningkatkan kementerian-kementerian tertentu dan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan, saya hendak tegaskan kerana di sinilah bersandar dan berpaksinya kualiti individu warga negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkanlah keyakinan Dewan ini termasuklah saudara-saudari kita dari Kelantan, pihak pembangkang yang telah pun berucap menyokong Usul yang saya bawa tempoh hari. Saya minta kalau dapat ini mencerminkan bahawasanya Dewan Negara ini belum lagi keputusan kita buat seolah-olah menyokong pucuk pimpinan kita. Jadi, inilah sebenarnya kekuatan politik negara kita untuk hendak berdepan dengan apa sekali pun ancaman, kalau tidak kuat politik dan kepimpinan, orang akan mengambil alih tempat kita, akan tergugat ekonomi kita dan insya-Allah, dengan keberanian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dengan belanjawannya, dengan keberanian untuk hendak menentukan isu-isu semasa dapat ditangani dengan pil-pil yang pahit kita terpaksa telan, kita percaya

belanjawan yang kita bentangkan ini akan dapat kejayaan. Dan pada masa yang sama hendaklah pihak swasta menerima teguran-teguran kita dengan baik supaya ianya juga dapat menyelamatkan ekonomi kita. Saya menyokong belanjawan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan.

4.10 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di Dewan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim kerana telah mengambil tindakan yang begitu drastik dan berani untuk memulihkan keadaan ekonomi negara.

Saya percaya dengan sokongan semua pihak termasuk parti pembangkang, keadaan ekonomi negara akan pulih dalam tempoh setahun, dua ini. Golongan korporat, syarikat-syarikat swasta dan setiap individu yang inginkan keadaan ekonomi Malaysia kembali stabil dan terus berkembang maju haruslah berfikiran positif dan mengambil tindakan segera terhadap cadangan dan syor yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita.

Satu perkara yang saya anggap penting dan perlu juga diberi perhatian oleh pihak korporat dan swasta ialah mengenai pemberian bonus kepada para pekerjaannya sejak kebelakangan ini. Pihak swasta memberi bonus yang begitu lumayan kepada para pekerjaannya, amalan ini adalah baik kerana keuntungan

syarikat dinikmati bersama para pekerjanya bukan sahaja kepada para pelabur syarikat berkenaan sahaja, bagaimanapun dengan adanya syarikat swasta memberi bonus yang begitu tinggi sehingga tidak ada syarikat yang memberi bonus dua bulan atau tiga bulan gaji akan menimbulkan pula masalah, antaranya menyebabkan kelebihan ramai pegawai dan pekerja sektor awam akan lari ke sektor swasta seperti yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli Dewan sebelum ini. Dengan itu, saya mengesyorkan supaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Menteri Kewangan kita berbincang dengan Yang Berhormat Datuk Lim Ah Lek, Menteri Buruh untuk menggubal satu akta gaji dan bonus sektor swasta supaya ia tidak menambahkan jurang pendapatan antara sektor awam dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin sekali lagi untuk mengemukakan cadangan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Pada tahun lalu saya pernah mengutarakan supaya Kementerian Pendidikan menubuhkan satu unit baru di kementerian berkenaan iaitu Unit Pembangunan. Unit Pembangunan yang saya cadangkan ini hendaklah mempunyai pengarahnya di samping jurutera, akitek, juruteknik penilai dan kakitangan lain yang perlu bagi mengatasi kelewatan pembinaan sekolah baru dan bangunan tambahan di sekolah yang diserahkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya.

Saya tidak hairan jika ada orang mengatakan JKR itu 'jangan kerja rajin' sangat kerana semua rakyat tahu kelewatan kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan kepada JKR, bangunan sekolah yang patut disiapkan dalam Rancangan Malaysia Keenam tetapi hanya dapat disiapkan dalam Rancangan

Malaysia Ketujuh. Jika andaian saya ini salah, saya mohon supaya Menteri Pendidikan dapat memberitahu Dewan bilangan sekolah yang patut disediakan dalam Rancangan Malaysia Keenam baru dapat disediakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kelewatan ini juga telah meningkatkan kos pembinaan sekolah baru atau bangunan tambahan di sekolah-sekolah di samping itu kos pembinaan bangunan yang diawasi oleh JKR ini juga lebih tinggi dari kos yang dibuat oleh pihak swasta yang lain.

Saya tidak faham mengapa keadaan seperti ini boleh berlaku. Adakah pihak Kementerian Pendidikan kena juga membayar kos pelan dan kos-kos yang lain yang berkaitan, apa yang saya lihat bila melawat sekolah-sekolah, bentuk bangunan luas bilik kelas dan tandas adalah sama antara satu sekolah dengan sekolah yang lain. Saya difahamkan bahawa pelan bangunan sekolah yang dibuat oleh JKR adalah sama bagi seluruh negara, yang berbeza cuma mungkin susunan atau bangunannya sahaja, dengan itu, pihak arkitek tidak perlu bersusah payah untuk menyediakan pelan baru bersama pegawai-pegawai profesional yang lain. Dengan sebab itu saya beranggapan kos pembinaan bangunan sekolah baru atau bangunan tambahan yang dibuat oleh JKR sepatutnya lebih rendah kosnya dari yang dibuat oleh pihak swasta.

Jika kos pembinaan yang dibuat oleh JKR sentiasa tinggi daripada swasta, saya risau terutamanya rakyat akan melabelkan JKR sebagai jabatan rasuah. Maklumlah mulut manusia apa sahaja dia boleh kata, bukan lagi jasa kepada rakyat seperti yang diagungkan pada masa ini, sekiranya pandangan saya ini kurang meyakinkan, saya berharap Yang Berhormat Menteri

Pendidikan dan pihak kementerian boleh membuat penyelidikan sendiri, jangan sekali-kali serah semua urusan bulat-bulat kepada JKR, wang rakyat janganlah dibazirkan. Saya berkeyakinan jika Unit Pembangunan Kementerian Pendidikan diwujudkan dan bergerak sendiri, cita-cita Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mewujudkan sekolah satu sesi seperti di negara-negara maju lain akan tercapai. Sebagai orang biasa, saya percaya jika perbelanjaan membina sekolah baru atau bangunan tambahan dapat dijimatkan sudah tentu lebih banyak sekolah dapat dibina dalam negara kita ini, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ragu-ragu lagi jika Unit Pembangunan yang saya cadangkan ini diwujudkan di Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri, masalah mutu bangunan, mutu yang disiapkan lebih terjamin. Pada masa ini pegawai-pegawai sama ada di Jabatan Pendidikan Negeri atau Daerah tidak mempunyai pengetahuan tentang mutu pembinaan yang disiapkan oleh pihak kontraktor. Mereka hanya bergantung kepada pegawai-pegawai JKR sahaja, sebab itulah selesai sebulan, dua, ada bangunan yang retak, ada bumbung yang bocor. Keadaan ini menimbulkan masalah kepada pihak sekolah pula.

Saya juga mengharapkan dengan tertubuhnya Unit Pembangunan ini di Kementerian Pendidikan, kementerian ini dapat mewujudkan tabung tanah untuk membinakan sekolah-sekolah baru, walaupun ada peraturan yang mewajibkan pihak pemaju rumah menyediakan tapak untuk sekolah, tetapi penyelewengan yang mungkin berlaku akan menyebabkan Kementerian

Pendidikan kehilangan tanah untuk tapak sekolah baru pada masa akan datang. Sebagai contoh, tapak sekolah Kementerian Pendidikan telah berpindah ke tangan sekolah swasta yang dimajukan oleh pemaju Bandar Baru Klang itu sendiri, di manakah anak-anak 1,000 keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana yang tinggal di Bandar Baru Klang akan bersekolah kerana tidak ada lagi tanah untuk Kementerian Pendidikan mendirikan sekolah di kawasan berkenaan.

Tidak siapa pun dapat menafikan bahawa masih banyak tanah boleh diberikan kepada Kementerian Pendidikan, tetapi ianya bukan di kawasan penempatan, penduduk yang ramai atau bakal menjadi bandar baru. Di kawasan Lembah Kelang, tanah untuk tapak sekolah telah menjadi rebutan, dengan itu saya berharap benar-benar Kementerian Pendidikan dapat mewujudkan akta mengenai tabung tanah untuk sekolah dengan kadar segera supaya kemudahan asas sekolah seperti padang permainan yang mencukupi dapat disediakan untuk kepentingan anak-anak kita. Kerajaan negeri juga harus bertolak ansur dalam pemberian tanah kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk pembangunan sekolah. Pelaburan yang kita beri untuk sebuah sekolah lebih tinggi nilainya daripada kita membenarkan sebuah kilang didirikan di tapak yang sama. Sekolah melatih manusia sama ada menjadi pemimpin atau tenaga manusia untuk beberapa generasi yang akan datang. Selagi sekolah tersebut tidak dirobohkan, selagi itulah para guru tidak jemu melatih dan memimpin generasi muda kita untuk menjadi rakyat yang berjasa, berguna kepada negara. Di Lembah Kelang tanah sekangkang kera di tepi

sekolah pun menjadi rebutan. Apalah salahnya dan saya percaya kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan tidak rugi apa-apa jika tanah tersebut diberikan kepada sekolah untuk pembangunannya. Saya berharap Yang Berhormat Berhormat Menteri akan menubuhkan tabung tanah ini secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang perlu saya bangkitkan di sini iaitu isu rambut panjang. Minggu yang sudah dalam sesi Soal Jawab, wakil dari Kementerian Pendidikan ada mengatakan guru-guru di sekolah tidak ada mempunyai kuasa untuk melarang para pelajar lelaki dari berambut panjang, ini adalah kerana tiada sebarang akta yang menyebut bahawa pelajar-pelajar lelaki tidak boleh berambut panjang.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita bayangkan bersama-sama dan kita fikirkan semula, sedangkan merokok yang nyata di tengah masyarakat masih lagi berleluasa di kalangan para pelajar, inikan pula rambut panjang yang tiada siapa dan tidak ada apa-apa akta yang mengenaannya. Walaupun ada pepatah Inggeris yang mengatakan, dengan izin, *don't judge the book by its cover*, yang membawa erti jangan menilai seseorang dari rupa fizikalnya tetapi jangan pula kita lupa imej seseorang boleh mempengaruhi perwatakannya. Oleh itu, saya mengesyorkan agar kerajaan dapat mewujudkan satu akta yang menegah para pelajar lelaki kita dari berambut panjang. Saya yakin tindakan bijak kerajaan ini sudah pasti akan membentuk generasi muda dan baru kita yang mempunyai imej yang lebih bersih, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyentuh isu berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Isu yang saya ingin ketengahkan ini melibatkan doktor-doktor pakar di hospital kerajaan dan swasta-swasta. Sejak kebelakangan ini kita dapati ramai doktor di hospital kerajaan mengambil keputusan untuk berkhidmat di hospital swasta, sebab utama perkara ini berlaku adalah kerana hospital-hospital swasta menjanjikan kepada mereka ganjaran yang lebih tinggi dari apa yang mereka perolehi ketika berkhidmat di hospital kerajaan. Penghijrahan ini secara tidak langsung akan mendatangkan masalah kepada rakyat yang kurang berkemampuan. Mereka ini biasanya mendapat rawatan dari hospital kerajaan. Apabila penghijrahan tadi berlaku terlalu kerap, hospital-hospital kerajaan akan mengalami kekurangan doktor-doktor pakar, ini menyebabkan rakyat tidak akan dapat khidmat doktor-doktor pakar yang sepatutnya disebabkan doktor-doktor pakar yang betul-betul pakar tadi telah lari ke hospital-hospital swasta. Apabila kita kaji semula, fenomena ini hospital-hospital swasta mampu menawarkan gaji yang lebih tinggi kepada para pekerja kerana bayaran yang dikenakan kepada pesakit-pesakit mereka juga lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya menyuarakan agar satu akta diwujudkan untuk menyelaraskan caj-caj yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta supaya ianya tidak terlalu tinggi berbanding dengan hospital kerajaan. Apabila caj-caj hospital swasta ini dikurangkan, ganjaran yang akan ditawarkan juga akan berkurangan dan saya pasti pindahan doktor-doktor pakar tadi juga

dapat dikurangkan, ia akan dapat menyelesaikan masalah kekurangan doktor-doktor pakar di hospital-hospital kerajaan tadi.

Saya tidak mahu pada masa akan datang nanti, hospital-hospital kerajaan dianggap sebagai tempat doktor-doktor pakar mendapatkan kemahiran sahaja. Apabila lengkap sahaja ilmu didada, mereka akan bertapak di hospital-hospital swasta yang menjanjikan gaji yang lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan menyokong Usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Saya begitu kagum dan mengucapkan terima kasih serta syabas kepada rakan-rakan saya yang begitu berani berdiri teguh di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang kita kasihi di atas suara berani Perdana Menteri untuk menyelamatkan bukan sahaja rakyat di negara ini bahkan masyarakat di seluruh dunia atas tindakan George Soros atau lebih terkenal dengan nama, dengan izin, 'George boros' yang bererti mengambil hak orang untuk kepentingan diri sendiri. Begitu juga keberanian rakan-rakan dan masyarakat menentang tindakan Ahli Kongres Amerika Syarikat yang menggelarkan diri mereka, dengan izin, peace maker yang sebenarnya adalah dengan izin, trouble maker dunia. Syabas kepada semua, dengan ini marilah kita semua sama-sama berdoa kepada Allah S.W.T. agar dipanjangkan usia Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, semoga kesihatannya dan semua keluarganya berada dalam keadaan

sihat dan dapat membela negara, bangsa, agama dan masyarakat ke tahap yang tinggi dan aman damai sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya menyokong penuh perbahasan Belanjawan 1998. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah.

4.30 ptg.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya turut sama-sama membahaskan mengenai anggaran Belanjawan 1998 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri petang kelmarin.

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana masih memberi kesihatan dan keupayaan daya fikir kepada kita semua di dalam Dewan yang mulia ini, insya-Allah, saya akan memberi pandangan-pandangan saya mengenai Belanjawan yang telah dibentangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana hati yang tidak tenang kerana dirundung malang kesan kejatuhan nilai mata wang yang cukup parah kekeringan ekonomi. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membawa kitaran sejarah kepada Nabi Yusof a.s. yang hampir serupa berlaku di negara kita dewasa ini. Sebenarnya kisah Nabi Yusof a.s. di dalam perbelanjaan berjimat dan berhemah tentang kedudukan ekonomi negara Mesir supaya berjimat semasa mereka berada di dalam keadaan yang mewah, ini

adalah untuk mereka gunakan simpanan semasa kemewahan itu apabila mereka menghadapi zaman kemarau ataupun zaman kemelesetan.

Situasi ekonomi negara kita yang dilaksanakan tidak selaras dengan apa yang ditunjukkan oleh Nabi Yusof a.s. kerana semasa kita berada di dalam kemewahan, kita berbelanja besar. Ada di antara projek-projek mega yang tidak membantu di dalam meningkatkan pengeluaran untuk menghasilkan tukaran wang asing. Di samping itu, banyak projek yang telah ditawarkan secara keseluruhan, dirundingkan dengan kontraktor-kontraktor yang dikenal pasti oleh kerajaan dan projek-projek seperti ini berharga mahal daripada kontraktor-kontraktor yang ditender secara terbuka. Hal-hal seperti ini kemungkinan kes-kes rasuah mudah berlaku di mana sebahagiannya dapat dikesan dan sebahagiannya tidak dapat mengambil tindakan apa-apa kerana tidak cukup bukti.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu pihak bank juga akan turut terlibat apabila mereka memberi kepada pinjaman besar tanpa jaminan yang kukuh, ini menunjukkan kelemahan di dalam industri ini sehinggakan baru-baru ini kerajaan terpaksa menghadkan peminjam-peminjam yang tidak membantu pengeluaran. Disebabkan kelemahan-kelemahan seperti inilah dapat dilihat oleh Soros dari luar dan kemungkinan wujudnya Soros dalam dalam negeri sendiri. Bagi saya Soros dari luar dan dari dalam memang kerja mereka adalah mendapat keuntungan yang berlipat ganda dengan permainan di pasaran wang dan di pasaran saham. Sukarlah bagi kita hendak mengawal orang-orang

seperti mereka. Sepatutnya kerajaan berusaha mengendalikan perbelanjaan negara supaya tidak terperangkap dengan kerja-kerja Soros.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara yang penting dapat dilihat dalam Belanjawan, peruntukan yang besar diberi kepada pembangunan wanita. Saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai kedudukan wanita kerana Rasulullah s.a.w. sendiri amat memberi perhatian kepada kaum wanita dan juga Islam telah memartabatkan kedudukan wanita. Perkara terpenting yang memerlukan perhatian yang serius dari pihak kerajaan ialah mengembalikan atau membetulkan akidah umat Islam yang nampaknya sebahagian mudah melalui akidah Islam kerana dengan akidahlah menjamin kekuatan ummah. Andai kata kaum wanita lemah akidah, maka musuh akan mudah mempengaruhi pemikiran dan tindakan mereka. Dalam hal ini wanita telah menjadikan kemantapan ekonomi sebagai hala tuju pertama dan utama, tetapi percayalah kekayaan tidak menjamin ketenangan dan kesejahteraan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, faktor kesejahteraan ekonomi yang diberi perhatian utama dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan dan agensi-agensi yang lain yang berjaya ditanamkan di dalam masyarakat, hanya nilai material semata-mata sedangkan nilai-nilai murni yang lain kurang diberi penekanan dengan sewajarnya. Walaupun cuba ditanam, namun keberkesanannya boleh dipersoalkan. Oleh itu, program yang lebih serius ke arah meletakkan nilai-nilai murni di dalam masyarakat perlu diperhebatkan melalui semua media cetak dan elektronik.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Hendak beri atau tidak?

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Tak dapatlah, sebab saya hendak ambil peluang sedikit sahaja ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Okay, sila.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Bahan-bahan bacaan dan tontonan perlu dipertingkatkan.

Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, saya lebih menumpukan perhatian kepada wanita-wanita yang bekerja di kilang, yang berhijrah dari desa ke kota demi untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka, juga keluarga mereka dari segi ekonomi. Ada setengah-setengah berhijrah pada umur terlalu muda iaitu 18 dan 19 tahun, mereka tinggal bersama saudara mara sendiri atau bersama-sama kawan di asrama yang disediakan oleh majikan. Pihak majikan hanya menyediakan asrama tidaklah memadai. Majikan juga perlu menyediakan penyelia-penyelia asrama untuk mengawasi disiplin di kalangan penghuni-penghuni asrama. Oleh itu, program-program yang berkualiti dari segi kerohanian dan pembangunan insan digalakkan di kalangan pekerja-pekerja kilang wajiblah diwujudkan.

Motivasi kem-kem ibadah dan sebagainya diadakan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan amalan yang sihat perlu diperbanyakkan. Ibu bapa juga perlu digalakkan melawat anak-anak mereka untuk mengekalkan dan mengeratkan serta merapatkan kekeluargaan di samping ibu bapa dapat mengikuti perkembangan anak-anak mereka, tidaklah melepas tangan serta membiarkan anak-anak menjalankan kehidupan di bandar secara tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan pekerja-pekerja wanita dalam masyarakat setempat juga perlu ditingkatkan. Ketua-ketua masyarakat termasuklah JKK, imam masjid dan kawasan perumahan perlu memastikan bahawa pekerja wanita diterima sebagai ahli masyarakat dan mereka akan turut beserta di dalam aktiviti-aktiviti yang sihat, sistem keluarga angkat mungkin boleh diperkenalkan. Pada hemat saya, inilah satu-satu langkah bagi mengurangkan masalah sosial di kalangan pekerja kilang di samping dapat mempertingkatkan pengeluaran negara secara langsung dan tidak langsung. Imej pekerja kilang juga dapat dipulihkan. Ibu bapa juga lebih bersedia memberi anak-anak mereka bekerja di kilang-kilang dengan hati yang tenang.

Masalah ibu tunggal, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini supaya mereka perlulah diberi sokongan khusus oleh pihak kerajaan dari segi:

- (i) memberi kemahiran atau mempertingkatkan kemahiran tertentu yang mereka ada untuk mereka gunakan kemahiran tersebut sebagai persaraan hidup diri dan keluarga, mulakan berusaha kecil-kecilan;
- (ii) memberi sokongan modal dan bantuan material di peringkat awal serta kemudahan tertentu kepada anak-anak mereka;
- (iii) sokongan emosi terutamanya dari kalangan keluarga dan masyarakat setempat; dan

- (iv) sokongan dari segi perundangan, seumpama mendapatkan nafkah yang sewajarnya daripada bekas suami.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di sini supaya kerajaan dapat memikirkan dan mempertimbangkan dengan cara yang lebih terbuka bagi membenarkan serta menggalakkan wanita-wanita Islam menutup aurat terutama sekali di waktu bekerja di dalam semua bidang pekerjaan dan semua tahap. Peraturan itu perlulah dilaksanakan. Menutup aurat bukanlah sekadar memenuhi tradisi, tetapi yang lebih utama adalah merupakan kewajipan bagi wanita-wanita Islam. Kerajaan bertanggungjawab memastikan bahawa rakyat mempunyai kefahaman yang betul dan jelas tentang aurat serta mengamalkannya. Bagi sektor perkilangan, majikan perlu menyediakan pakaian seragam yang menutup aurat atau membenarkan pekerja menutup aurat di waktu bekerja seperti di hospital, hotel-hotel, restoran-restoran, kedai-kedai, kedai jual dan sebagainya.

Untuk mengakhirinya, Tuan Yang di-Pertua, pada petang kelmarin apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali sebagaimana saya telah mengikuti sidang Dewan yang lepas bahawa perkara yang beliau menyentuh itu samalah juga, tetapi apa yang saya harap bagi Yang Berhormat Datuk dan apa yang saya nampak dalam Dewan ini bahawa Datuklah salah seorang yang dapat menyambungkan kerajaan Kelantan dengan kerajaan pusat. Sepatutnya apa-apa yang berlaku ini dialah orang yang pertama kerana Datuk Haji Ibrahim Ali ini ialah anak jati Kelantan, saya pun anak jati juga. Jadi apa masalah yang dia kata itu saya tidak marah.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhirinya maka saya ingin bersama-samalah kita mengambil iktibar dengan apa yang berlaku kepada Nabi Yusof a.s., kenapakah Nabi Yusof a.s. itu dibuang ke dalam telaga. Ini oleh kerana hasad dengki daripada adik-adiknya, bimbang dan takut kalaulah ayahnya mengasihi Nabi Yusof a.s. Jadi dengan keadaan begitu, maka Allah S.W.T. menyelamatkan Nabi Yusof a.s., sebab itulah maka Nabi Yusof a.s. diberi jawatan sebagai Menteri Kewangan Negeri Mesir. Apabila Nabi Yusof a.s. menjadi Menteri Kewangan Negeri Mesir, adik beradiknya semua menumpu ke situ, jadi sama-sama memberi manfaat segala apa tindak-tanduk yang dilakukan oleh Nabi Yusof a.s., maka tidak ada apa-apa baginya. Itulah Allah S.W.T. memberi balasan kepada Nabi Yusof a.s.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 1998 yang dibentangkan. Sekian. Wassalammu Alaikum Warahmatullah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Chet Singh.

Dato' Chet Singh: *[Bangun]*

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw: Penjelasan. Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Ahli Yang Berhormat datang daripada negeri Kelantan. Tadi Ahli Yang Berhormat ada menyebut tentang asrama, puteri-puteri yang bekerja di kilang-kilang. Berapa banyakkah asrama di Pengkalan Chepa ataupun di Tanah Merah yang melibatkan kawasan kilang yang telah didirikan oleh kerajaan negeri Kelantan kerana negeri-negeri lain seperti Perak, Kedah dan saya rasa Selangor juga ada asrama yang didirikan oleh pihak kerajaan negeri untuk pekerja-pekerja kilang terutama dari kalangan

wanita-wanita Islam. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana pertanyaan yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi, yang sebenarnya asrama-asrama di Pengkalan Chepa dan Tanah Merah itu, saya mohon maaf sebab saya belum lagi check berapa semuanya.

Timbalan Yang di-Pertua: Okaylah. Yang Berhormat Dato' Chet Singh.

4.45 ptg.

Dato' Chet Singh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih beri peluang hendak bahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1998.

Memandangkan economic turbulence, dengan izin, yang Asia Tenggara dan Asia Timur sedang menghadapi sekarang, strategi Budget 1998, sebagaimana yang dikemukakan adalah bertujuan membolehkan kerajaan serta rakyat menghadapi cabaran-cabaran yang timbul, ialah defisit akaun semasa yang berpanjangan, krisis kewangan dan kejatuhan bursa saham yang curam. Strategi budget nampaknya telah disediakan dengan teliti dan was-was dan berdasarkan usaha mencapai kadar pembangunan yang dapat dikekalkan. Memperkuatkan lagi dasar-dasar ekonomi, dengan izin, 'fundamental of economy' dan seterusnya dengan agenda sosial untuk pembangunan dalam keseluruhannya.

Objektif kritikal adalah untuk menggubalkan keyakinan dalam ekonomi negara kita. Sehingga kini keyakinan pelaburan agak lemah dan ada yang

berpandangan cynical, dengan izin, tentang fundamental ekonomi kita. Dengan kata itu, suka saya mengulas beberapa isu serta komen yang matang.

Sebagaimana telah dinyatakan, fundamental ekonomi kita adalah kuat tetapi keyakinan pelabur-pelabur adalah lemah. Sebagai menambah kepada ini, sikap pengurus-pengurus dana serta peniaga-peniaga mata wang asing, perasaan runsing dan ketidakpastian dan khabar angin yang merosakkan serta komen-komen negatif. Kebanyakan rakyat kita memikir soalan-soalan apa masalahnya dan kenapa? Ini adalah soalan-soalan yang susah dijawab, tetapi isu-isu dan cabaran-cabaran yang dihadapi mesti diselesaikan. Mesti difahami bahawa berapa isu-isu yang kita hadapi adalah khusus kepada kita oleh polisi-polisi serta amalan-amalan asas, dengan izin, “basic policy and practices.”

Kekuatan dan keazaman adalah tersangat perlu untuk pertimbangan pertukaran kepada polisi-polisi serta amalan-amalan asas. Tetapi di dalam masa krisis, pertukaran adalah tersangat perlu, dengan izin, “some bitter pills have to be swallowed.” Walau bagaimanapun, sebelum tindakan sebegini diambil seharusnya diadakan pertimbangan yang terus terang, betul dan teliti. Penelitian terperinci isu-isu boleh dicapai di dalam suasana satu majlis perunding.

Dalam pada itu, penubuhan National Economy Action Council (NEAC), dengan izin, adalah satu langkah yang betul yang diambil. Kerajaan seharusnya mengguna Majlis ini sepenuhnya, oleh itu keahlian Majlis ini seharusnya mewakili masyarakat dan mengguna kepakaran yang sedia ada. Peraturan asas sepatutnya bertujuan memupuk dan membenarkan perbincangan yang terus

terang. Yang terpenting adalah kesejahteraan kebangsaan. Kepentingan kebangsaan seharusnya ditumpukan. Sekiranya langkah-langkah yang mesti diambil demi kepentingan-kepentingan itu dengan menjejaskan beberapa individu, ini tidak boleh dielakkan. Kita hanya boleh bersimpati. Kepentingan kebangsaan mesti mengatasi, dengan izin, *interest of the nation must prevail over the individual*.

Kita perlu menilai dengan kritis pengurusan dan pentadbiran kewangan serta ekonomi. Dan kita semestinya memeriksa sekiranya pertimbangan boleh diberi kepada cadangan mengasingkan autoriti kewangan dari badan eksekutif. Bukan semestinya secara serta-merta tetapi di dalam jangka masa sederhana yang dekat. Ini akan membolehkan pemastian polisi-polisi kewangan yang lebih efektif dan memperkenalkan disiplin yang lebih kukuh di dalam institusi-institusi kewangan dan di dalam sistem tersendiri. Polisi-polisi serta amalan-amalan mengenai kerja dan pembekalan perlu dikaji semula untuk memusnahkan kelemahan dan pembaziran. Pertimbangan yang lebih adalah perlu untuk menjimatkan belanja. Wujudnya keperluan bagi reka bentuk inovatif dan spesifikasi yang akan memfaedahkan serta memberi pulangan di dalam jangka masa panjang. Amalan naungan (*patronage*) dan rasuah mesti dimusnahkan, menyebelahi persaingan kebolehan dan kepunyaan melaksanakan projek-projek yang diambil terhadap keperluan besar untuk mengkomit kepada pembelian barangan buatan Malaysia terlebih dahulu, dengan izin, 'Buy Malaysian First'. Kerajaan seharusnya mendahului dalam pelaksanaan polisi ini melalui sistem dan proses tender yang diamalkan. 'Buy Malaysian', dengan

izin, tidak hanya boleh dijadikan cogan kata sahaja, ia seharusnya diamalkan dan sebaik-baiknya kerajaan di peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan seharusnya mendahuluinya.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mengkaji dan menilai semula konsep dan bentuk Malaysia incorporated. Adakah isinya masih satu model yang efektif serta cekap? Masalah-masalah yang dihadapi oleh ekonomi negara Jepun mungkin menandakan bahawa model Jepun bukan lagi model yang sepatutnya dicontohi dan satu bentuk perkongsian bijak yang lebih baik mungkin diperlukan (smart partnership). Kita perlu satu perkhidmatan awam yang lebih efektif, cekap dan proaktif. Sesuatu perkhidmatan yang dianggotai oleh individu-individu, kompetitif yang berorientasi profesional serta mempunyai kualifikasi yang sesuai dan jika boleh mencerminkan dengan baik komposisi masyarakat Malaysia.

Mengenai sektor swasta, apa yang perlu ialah satu sektor swasta yang lebih berdisiplin dan yang mencari peluang-peluang perniagaan. Satu sistem kewangan yang diatur semula di mana terwujud lebih kebertanggungjawaban, pendedahan dan kejelasan, dengan izin, “greater accountability, disclosure and transparency.” Autoriti-autoriti perancangan seharusnya menumpukan lebih perhatian kepada penggunaan sumber-sumber yang optimum. Kita perlu mendisiplinkan serta mengawal projek-projek hartanah iaitu perumahan, kompleks perdagangan dan kompleks pejabat yang dibangunkan sebagai cendawan. Keadaan semasa mencerminkan pembaziran dan penggunaan sumber-sumber kewangan yang tidak produktif. Di dalam setengah kes ia

adalah bagi wang yang ditanam di dalam tanah. Kita sepatutnya berhati-hati tentang “aset bubbles”, dengan izin. Kita seharusnya memberhentikan sikap ‘gila membina’ ini, dengan izin, “this building madness.”

Keyakinan di dalam ekonomi kita mesti dikembalikan. Kita mungkin sepatutnya mengkaji sama ada data ekonomi serta kewangan dikeluarkan dalam jangka masa yang sesuai dan sama ada data tersebut mengandungi isi kandungan yang secukupnya dan tepat. Amalan begini adalah lebih baik dari hanya menafikan wujudnya sesuatu masalah. Kita mesti ketepikan dan keluar dari, dengan izin, “denial syndrome” dan gunakan taktik psychological.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri pada 5 dan 8 haribulan ini telah mengumumkan beberapa langkah baru yang akan dilaksanakan untuk menjana kembali keyakinan dan dapat mengatasi krisis ekonomi kita.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu Timbalan Perdana Menteri, bukan Timbalan Menteri.

Dato' Chet Singh: Timbalan Perdana Menteri, minta maaf.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, benarkanlah saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mengemukakan satu budget dan langkah-langkah tambahan yang mengakui dan menghadapi masalah-masalah ekonomi dan kewangan yang menghadapi negara kita. Dan juga untuk menetapkan nada dan inisiatif kerajaan pada masa depan. Ini akan menolong mengembalikan keyakinan di dalam ekonomi. Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang efektif dan rakyat seharusnya

menyokong kerajaan melalui disiplin, pengawalan diri dan melalui berjimat cermat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sokong Rang Undang-undang Perbekalan 1998. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu.

5.00 ptg.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya berucap di Dewan yang mulia ini.

Sebelum saya menyokong Belanjawan Negara 1998 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, saya ingin memberikan sedikit pandangan sahaja berkaitan Belanjawan Negara 1998. Saya amat terharu apabila Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sekali lagi melanjutkan amalan memperkenalkan perkataan atau istilah baru dalam ucapan pembentangan Belanjawan 1998 di Dewan Rakyat, kerana beliau telah memetik kata seloka penyair agung Tamil zaman silam yang bernama Thirulkural. Thirulkural karya agung 2,500 tahun yang lalu adalah satu sami, idea seorang ahli falsafah Tamil Thiruvalluvar, segala kata-katanya telah menjadi panduan hidup bagi semua insan. 'Thiru' adalah penambahan kata kepada mana-mana karya agung atau orang yang disanjung. Al-Quran juga disebut sebagai Thirukural dalam bahasa Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan untuk rakyat dan dipilih oleh rakyat, berdasarkan kenyataan ini rakyat sentiasa menyokong penuh dasar dan

perancangan yang diamalkan serta dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh mereka demi kemajuan taraf hidup rakyat dan negara. Ini jelas terbukti kejayaan yang dicapai dalam pilihan raya yang lepas, semua perancangan dan dasar-dasar mengalami kesulitan dan menghalang kemajuan negara ke arah Wawasan 2020 apabila kemelesetan ekonomi akibat turunnya nilai Ringgit. Masalah ini bukan sahaja melanda negara kita bahkan kebanyakan negara di rantau ini.

Belanjawan 1998 yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan adalah menjadi penawar tetapi perlu untuk memulih dan menstabilkan ekonomi negara. Belanjawan negara telah memperkenalkan kenaikan dalam duti import beberapa barang jentera berat, kenderaan mewah siap pasang (CBU), barangan elektrik, kenaikan kadar lesen kenderaan dan kenaikan cukai jalan kenderaan berkuasa enjin tinggi. Kenaikan duti import ini adalah wajar khususnya duti import ke atas kereta mewah (CBU). Ada pihak telah mencadangkan menggunakan kereta Proton Perdana Eksekutif menggantikan kereta mewah ini adalah wajar dan tepat pada masa ini untuk kegunaan rasmi.

Menyentuh tentang hal ini, difahamkan sebanyak 120 buah kereta mewah telah diimport baru-baru ini dan dikatakan berada di Pelabuhan Kelang. Sejauh manakah kepentingan dan keperluan kereta-kereta mewah pada masa ini. Bolehkah kereta ini digantikan dengan kereta Proton Perdana seperti yang telah dicadangkan sebelum ini? Timbul juga persoalan di sini mengapa kereta-kereta mewah ini sering ditukar dengan model-model baru dalam tiga atau

empat tahun dan tidak bolehkah untuk tempoh yang lama? Saya ambil kesempatan ini ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana peka terhadap semua rakyat menggunakan kadar kenaikan lesen kenderaan motor. Ini adalah wajar kerana merupakan keperluan asas rakyat pada masa ini.

Dalam Belanjawan 1998 juga menarik balik pelepasan tambahan cukai pendapatan bagi keluarga yang menghantar anak belajar di luar negara. Pada pandangan saya tindakan ini adalah wajar hanya untuk kursus-kursus ditawarkan dalam negeri, bukan untuk kursus-kursus perubatan yang mana tempatnya tidak mencukupi dalam negara ini. MIC juga sedang berusaha untuk membina sebuah institusi perubatan di Kedah di bawah MID. Saya berharap kerajaan menyegerakan kelulusan institusi ini agar mendapat kekurangan beban dari cukai ini. Insentif sebagai gaji kepada kakitangan kerajaan adalah wajar memandangkan mereka ini merupakan tulang belakang pentadbiran negara. Insentif untuk membeli komputer dan pelbagai insentif lain yang ditawarkan adalah patut dipuji dan berbangga terhadap kerajaan, lebih-lebih lagi dalam keadaan kemelesetan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, penanguhan projek raksasa RM66 bilion menunjukkan betapa prihatinan, kesedaran dan kesungguhan Timbalan Perdana Menteri terhadap masalah yang sedang melanda negara kita. Di samping itu, saya ingin menyentuh tentang kerugian yang dialami oleh projek-projek besar seperti Perwaja Steel perlu diberi perhatian. Kerajaan terpaksa melibatkan untuk menyihatkan kembali. Seperti kata Timbalan Perdana Menteri, sebarang tindakan kita mestilah tepat dan telus dalam sebarang perancangan dan

membetulkan dasar kerajaan. Walaupun kerajaan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengawal harga barangan adalah tinggi, ini amat mengecewakan rakyat jelata terutamanya rakyat yang berpendapat rendah seperti petani, penoreh getah dan sebagainya. Apakah tindakan kerajaan seterusnya? Kerjasama dan kesedaran semua pihak adalah perlu dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara berkenaan sekolah Tamil. Prinsip dan tindakan yang kurang memuaskan menyebabkan sekolah-sekolah Tamil di negara ini tidak dapat bangun untuk mempertingkatkan mutu. Kementerian Pendidikan di negara ini sedang mencadangkan tentang sekolah bestari dan telah pun dikenal pasti sebanyak 90 buah sekolah bestari. Adakah Kementerian Pendidikan sedar pelajar-pelajar yang tidak mengetahui apakah makna sekolah bestari? Pelajar-pelajar ini juga belajar dalam keadaan menyedihkan dan berasa malu kerana tidak mempunyai infrastruktur yang mencukupi seperti air, bekalan elektrik dan menggunakan pondok-pondok usang sebagai tempat belajar.

Sememangnya kerajaan telah pun sedar tentang hal ini. Ini adalah kerana sekolah-sekolah ini dalam kategori kumpulan bantuan modal. Reka bentuk dan tempat letaknya sekolah-sekolah Tamil masih belum berubah, umpamanya tempat terdiri sekolah ini ialah di tanah estet dan tuan tanah orang lain. Kami telah mengatakan masalah ini selama 30 tahun, tetapi hingga sekarang kerajaan belum mengambil langkah-langkah yang serius dan kukuh untuk mengatasi masalah ini. Oleh itu, wujud dua golongan iaitu satu golongan yang telah maju dalam pelbagai bidang dan satu lagi golongan dalam keadaan

tidak mempunyai peluang yang cukup untuk berjaya. Saya mencadangkan kerajaan akan membangunkan sekolah-sekolah yang terbiar dan mengambil alih tanah itu. Saya ulang sekali lagi, saya mencadangkan kerajaan akan membangunkan sekolah-sekolah yang terbiar itu dan mengambil alih tanah itu. Kerajaan boleh mengambil tanah ini untuk digunakan bagi kemajuan negara ini.

Pada masa dahulu terdapat 1,000 sekolah Tamil, tetapi sekarang hanya ada sebanyak 503 buah sekolah Tamil di negara ini. Kebanyakan di sekolah ini tidak terdapat guru dan kemudahan-kemudahan yang lain. Pada tahun depan akan terdapat sebanyak 6,000 guru akan datang bertugas. Pada masa itu juga sekolah-sekolah Tamil memerlukan sebanyak 500 guru, umpamanya di negeri Perak sebanyak 120 orang guru diperlukan.

Akhirnya, kita sama-sama berdoa kepada tuhan yang maha kuasa agar masalah ekonomi kita akan diselesaikan dalam masa yang singkat. Saya sokong penuh Belanjawan Negara 1998. Sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Eng Hoi Choo.

5.10 ptg.

Dato' Eng Hoi Choo: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1998 yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Perdana Menteri telah memberitahu macam-macam tindakan telah diambil untuk mengukuhkan ekonomi Malaysia. Saya percaya tindakan-tindakan yang diambil oleh Timbalan Perdana Menteri

untuk rang undang-undang ini perlu dialu-alukan dalam usaha mengatasi cabaran-cabaran ekonomi. Seperti yang kita maklum, usaha-usaha untuk menarik pelaburan asing ialah menurunkan cukai pendapatan, mengurangkan defisit dalam akaun semasa, melewati pelaksanaan projek-projek infrastruktur, mengurangkan perbelanjaan kerajaan, mengurangkan import dan meninggikan eksport adalah bertujuan untuk mengukuhkan asas ekonomi negara. Saya percaya rakyat Malaysia akan memberikan kerjasama yang sepatutnya bagi mencapai usaha ini.

Sejaya dengan rang undang-undang ini, Kementerian Kewangan telah mengumumkan tindakan-tindakan yang lebih lanjut bagi memperkuatkan dasar ekonomi sementara meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur. Tindakan-tindakan lanjutan ini merangkumi mengurangkan perbelanjaan kerajaan sebanyak 18%, mengukuhkan rizab pertukaran asing, mengurangkan import seperti kapal dan kapal terbang, menghentikan penyusunan semula korporat dan mengeluarkan saham-saham baru dan mengurangkan pinjaman kepada sektor-sektor yang tidak produktif. Tindakan-tindakan ini sangat baik dan saya percaya ini akan meningkatkan keyakinan rakyat Malaysia dan juga pelabur-pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memberi beberapa pandangan mengenai rang undang-undang ini terutama sektor pertanian. Apabila negara kita maju sejak 90-an, saya berasa sektor pertanian ini adalah ditinggalkan ke belakang dan tidak diambil berat atau diberi perhatian dengan sewajarnya. Oleh sebab itu, sampai masa ini kita masih bergantung mengimport RM8 bilion

makanan dari luar negeri. Sebenarnya kita boleh eksport pelbagai keluaran daripada pertanian untuk negara-negara asing. Saya bangkitkan hal ini sebab saya sering kali dengar manggis kita dibeli di Jepun RM5 satu biji, ikan kita boleh dijual di Hong Kong satu kilogram dengan harga RM30 dan sebagainya. Halia kita sangat disukai oleh orang-orang Jepun, tetapi sebaliknya kita import RM8 bilion makanan dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk mengukuhkan ekonomi sesebuah negara, saya ambil contoh bagi negeri Jepun, Amerika Syarikat dan juga Taiwan dan mana-mana negara yang telah maju, sektor ekonomi masih menyumbangkan satu sumbangan yang besar untuk mengukuhkan ekonomi mereka malahan sektor ekonomi selalu menjimatkan banyak kapital untuk membiayai sektor yang lain, maka kedudukan ekonomi baru boleh stabil selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan satu negara pertanian daripada dahulu sungguhpun dahulu kita bergantung besar kepada tanaman getah, kelapa sawit dan lain-lain tetapi sekarang tanah ini banyak memberi peluang untuk industri, bukan kita boleh tinggalkan sektor pertanian tetapi sebaliknya kita harus mempertingkatkan sektor pertanian menjadikan sektor yang sangat moden. Jadi saya berasa kecewa kerana pada hari ini juga kita masih bergantung makanan import. Saya menyeru kepada Kementerian Pertanian supaya mengambil berat memainkan peranan supaya meningkatkan sektor pertanian di negara kita, dengan itu saya percaya kami akan dapat banyak pendapatan dari sektor ini.

Di sini saya ingin mencadangkan kerajaan membuat perancangan yang teliti bagi mengusahakan pertanian moden secara besar-besaran bagi keluaran pertanian yang bermutu tinggi. Ini akan membawa faedah yang besar, iaitu:

- Mengurangkan import. Kita harus mengurangkan bekalan-bekalan dari luar negara.
- Meningkatkan eksport bagi memperolehi keuntungan-keuntungan dari luar negara.
- Lebih produktif. Ini membolehkan penggunaan sumber alam yang lebih produktif tanpa pembaziran.
- Meningkatkan peluang pekerjaan.
- Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru.
- Pertanian moden. Ini merupakan satu peluang yang baik bagi melaksanakan pertanian moden secara besar-besaran.

Dalam usaha ke arah perindustrian, kita juga harus mempertingkatkan sektor pertanian. Selaras dengan ini, saya menyeru kerajaan membuat kajian pelaksanaan yang teliti dalam usaha ini dan memperuntukkan kawasan-kawasan yang sesuai untuk pertanian. Dalam hal ini, kerajaan pusat boleh mengeluarkan garis panduan-garis panduan supaya ianya dapat diikuti oleh kerajaan-kerajaan negeri yang berkuasa untuk mengeluarkan tanah-tanah yang luas yang masih boleh digunakan untuk pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyentuh tentang Bursa Saham Kuala Lumpur. Kali ini ekonomi kita menghadapi macam-macam masalah, bukan sahaja kita menghadapi serangan mata wang bahkan harga-

harga saham di BSKL juga mengalami kemerosotan yang hebat. Saya ingin minta Menteri Kewangan menyatakan adakah terdapat jualan singkat atau short-selling, dengan izin, di BSKL semasa kejatuhan harga-harga saham ini. Adakah penyasatan dilakukan terhadap golongan-golongan yang terlibat dalam short-selling dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil jika ada.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyentuh Securities Commission, dengan izin. Saya dapati bahawa bursa saham kita ini pada beberapa bulan dahulu menghadapi harganya naik dengan melampau dan tidak berdisiplin, tetapi baru tiga empat bulan pula turun dengan melampau tidak berdisiplin juga. Kalau sekiranya Securities Commission ada melakukan kawalan yang baik, saya ingat peristiwa ini akan dikurangkan hebatnya.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya satu kaunter yang saya hendak sebutkan di sini iaitu Wa Tai, harga sampai RM200. Ada satu kaunter sudah naik melampau RM30, hari ini hanya RM1.50 dalam tiga empat hari sahaja, sudah jatuh lebih daripada RM10. Jadi saya mintalah Kementerian Kewangan dapat menyemak urusan Securities Commission agar peristiwa ini tidak berlaku lagi kerana kita sudah hadapi perkara ini. Kalau sekiranya tidak dikawal, khasnya untuk pembeli-pembeli atau investor kecil ini yang beli satu dua lot sahaja telah mengalami kerugian beribu-ribu ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini adalah berkaitan dengan Kementerian Pendidikan. Setiap kali kita sudah dijamin oleh Kementerian Pendidikan bahawa tenaga perguruan cukup bagi tiap-tiap sekolah, tetapi malangnya saya adalah seorang

pengerusi PIBG bagi sebuah sekolah di bandar besar, setiap tahun di sekolah itu terdapat kekurangan guru. Jadi kekurangan tenaga guru ini telah mengakibatkan bermacam-macam masalah di sekolah itu. Apabila saya bertanya guru besar tentang disiplin yang telah merosot, katanya tidak cukup guru di kelas, maka kelas itu pun bising, disiplin murid-murid setiap hari pun makin merosot.

Jadi, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pendidikan agar masalah ini dapat diatasi demi untuk kepentingan murid-murid kita. Di sini saya juga ingin menyeru kepada kementerian, sebahagian besar guru-guru ini pun tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan bersungguh-sungguh ataupun tidak menunaikan kewajipan yang diharap-harapkan oleh ibu bapa, maka taraf pendidikan kita jatuh dan disiplin murid-murid merosot. Jadi, saya kkuatirlah generasi murid kita yang bakal menjadi pemimpin negara ini kalau tidak berdisiplin, susahlah kita akan mencapai Wawasan 2020 sebab tenaga manusia inilah yang penting sekali untuk menetapkan nasib kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian saya memohon untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1998. Sekian, terima kasih.

5.30 ptg.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1998.

Saya memang menyokong penuh rang undang-undang tersebut yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan pada hari semalam.

Berhubung dengan krisis mata wang dan juga kejatuhan saham yang melanda bukan sahaja di negara kita, tetapi dikebanyakan negara Asia, perbuatan negara Barat. Kita yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri serta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kejatuhan dan kemelesetan mata wang akan dapat diatasi - insya-Allah, kerana kita lihat bahawa kesungguhan pemimpin kita dan kita bersyukur keadaan negara kita terus bertahan menghadapi krisis tersebut bersungguh-sungguh dengan disokong oleh seluruh rakyat, bersatu-padu serta tidak mudah mengelabah, dengan cara mengikuti nasihat daripada Yang Amat Berhormat pemimpin kita agar sentiasa berjimat-cermat melakukan perbelanjaan harian dan juga mengutamakan pengeluaran barang-barang sendiri. Ini wajar kita sambut kerana kalau kita mengutamakan barang luar, kita import, ia akan lebih menyulitkan mata wang kita. Mengurangkan barang-barang import dan menambah eksport keluar negeri, sebagaimana yang telah pun dikatakan semalam.

Semalam juga telah diisytiharkan bahawa pemotongan gaji kepada Menteri, Timbalan Menteri termasuk pegawai-pegawai kerajaan dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat/Negara. Kita semua sedia menyokong langkah berjimat-cermat, untuk membendung keadaan ekonomi kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh Kementerian Pertanian. Saya ulang lagi supaya mengkaji semula Dasar Pertanian Negara, kerana kalau kita kaji supaya benar-benar dapat membangunkan petani-petani, Pertubuhan-

pertubuhan Peladang, pekebun-pekebun kecil dan pihak nelayan yang berselerak di negara kita. Sepatutnya sekarang ini semasa kita mengalami kemelesetan ekonomi, hal-hal pertanian ini telah pun lebih ke hadapan lagi, maksudnya supaya kita tidak payah membeli barang-barang di luar negara, yang boleh kita usahakan sendiri. Tanah terbiar masih banyak lagi di negara kita, sawah terbiar masih banyak sekali pun kita banyak membangunkan bangunan perumahan. Tetapi kita lihat masih ada lagi tanah terbiar yang patut diusahakan.

Saya mencadangkan Kementerian Pertanian mewujudkan satu 'Briged Tani' yang terdiri dari belia-belia atau remaja kita yang tidak bekerja ataupun kita menarik perhatian mereka supaya cuba meneroka. Kita berikan galakan yang secukupnya, kita berikan pendapatan yang secukupnya untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar ini secara komersial yang boleh mengeluarkan hasil-hasil pertanian, yang sepatutnya tidak payah kita beli daripada luar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada terbaca dalam surat khabar, kita beli bawang putih dari luar negeri sahaja tidak kurang dari RM60 juta setahun. Kita beli gula pasir pula tidak kurang daripada RM536 juta setahun. Walaupun kita ada gula pasir di negara kita sendiri begitu banyak sekali. Kita membeli bawang besar lebih kurang RM100 juta setahun. Cubalah Yang Berhormat bandingkan begitu banyak wang kita keluar. Sesuailah dengan seruan Timbalan Perdana Menteri semalam supaya kita mengurangkan makanan gula,

selain daripada kita berjimat, menjaga kesihatan agar tidak ramai orang yang sakit kencing manis (diabetes), kita boleh mengurangkan, apalah salahnya.

Begitu jugalah makanan tepung, pada masa saya kecil waktu Jepun dahulu, orang selalu memakan sagu, makan ubi kayu, tetapi kita tidak ke tahap itu. Maksud saya supaya kita mengurangkan makanan-makanan yang kita import dari luar ini.

Yang Amat Berhormat menyeru rakyat supaya kita berjimat. Ini adalah satu perkara yang serius - memang kita banyak membazir selama ini. Misalnya setahun dua yang lepas, kalau hendak mesyuarat pun sekarang ini bukan lagi di balai raya, bukan lagi di madrasah ataupun masjid, di kampung-kampung mesyuarat agung pun pergi ke hotel-hotel yang besar, itu juga membazir keadaannya. Kita nampak itulah sebabnya kadangkala kita tidak cermat, kita tidak sedar, tidak berkemungkinan ekonomi kita akan merosot sebagaimana yang telah pun dirasai hari ini. Jadi, kata orang tua 'Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis. Semasa kita ada, ingat di masa kita tidak ada. Ada satu pantun dari orang tua-tua, saya masih ingat, dia kata:

Cak ting

Telinga tikus

Biar genting

Jangan putus

Perkataan itu dilahirkan oleh orang tua-tua dahulu. Maksudnya, biar dia genting, jangan putus - tidak putus, perbelanjaan kita, pengurusan kita. Orang zaman dahulu suka beringat kalau berumah tangga, jika saudara datang pada waktu

malam atau bila-bila masa dia tidak kisah. Di belakang rumahnya ada cucuk tanam, sayur-sayuran seperti cili, terong, kacang dan sebagainya juga membela ayam sendiri tidak macam sekarang ini membeli ayam di luar, beli daging sahaja kerana tidak mahu membela ayam. Telur ayam pun hendak beli. Tetapi orang zaman dahulu ada ‘tarang’ ayam, dia bela ayam. Turun dari rumah ada telur ayam sendiri boleh masak - begitu sekali, bahkan kalau kita makan ayam kampung lebih baik khasiatnya daripada ayam yang kita beli - ayam karan. Jadi, kita menyambut baik seruan Yang Berhormat Menteri, termasuk Perdana Menteri kita sendiri, sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang seorang yang tegas dan berani serta jitu menghadapi masalah ini.

Saya rasa keadaan kita sekarang ini seolah-olah kita berperang dengan ekonomi. Kalau kita berjaya kali ini, kita mempertahankan keadaan yang ada sekarang ini, pemimpin kita adalah benar-benar wira negara kita, wira di dunia ini.

Kita lihat sendiri di Indonesia bagaimana banyak bank yang telah ditutup, begitu juga di Thailand dan negara-negara lain, bahkan negeri Jepun sendiri satu syarikat (company) yang tertua beratus tahun umurnya pun jatuh bankrap, ditutup. Alhamdulillah kalau kita baca surat khabar, kita ini belum lagi berlaku sedemikian. Jadi, ketahanan pemimpin kita itu, kita rasa bangga. Ada ungkapan yang mengatakan saya terbaca dalam buku ‘Orang besar dunia’, di masa saya sekolah dahulu, dia kata:

Biar dunia berkelam-kabut

Huru-hara meliputi alam

Hati tenang tidak ribut

Jiwanya tetap aman tenteram

Maknanya biarlah dunia berkelam-kabut, huru-hara meliputi alam, hati nurani Perdana Menteri kita tidak kelam-kabut, Malaysia tetap aman dan tenteram. Jadi, kita doakanlah moga-moga sikap yang sedemikian dapat diteruskan sehingga kita berjaya menghadapi krisis mata wang sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh Kementerian Pendidikan. Semalam saya terbaca dalam surat khabar '*pensyarah kolej swasta kurang wibawa*'. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Menteri Pendidikan mengatakan banyak institusi pengajian tinggi swasta di negara ini menggunakan khidmat pensyarah yang kurang berwibawa - surat khabar semalam, barangkali Yang Berhormat pun ada baca dan sahabat-sahabat saya pun ada baca. Berbanding dengan pelajar-pelajar mereka, hal ini kita harap dapat diteliti, dapat diperbetulkan, sedangkan kita menuju ke arah menswastakan institusi pengajian tinggi. Kalau tenaga pengajarnya kurang berwibawa, kita takut anak murid lebih baik lagi, lebih elok keadaannya. Jadi, bagaimana nanti satu hari? Oleh itu kita hendak menjadikan negara kita, negara yang berilmu jadi mungkin gagal. Kita berharap perkara yang disebut oleh Menteri Pendidikan itu mendapat perhatian yang sepenuhnya.

Saya juga ingin menyentuh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya telah pun membawa satu cadangan beberapa bulan yang lepas supaya kementerian ini mengkaji semula berhubung dengan laluan dawai elektrik ataupun voltan di kampung-kampung di luar bandar.

Saya dapati tanah ayah saya sendiri, tanah itu tidak boleh digunakan lagi, sebab menjadi laluan dawai elektrik, hendak buat rumah tidak boleh, hendak cucuk tanam pun tidak boleh, sampai masa TNB tebas pokok buang, sedangkan cukai itu tuan tanah yang membayar sendiri - cukai kena bayar sendiri. Kita tidak boleh menggunakan tanah itu lagi.

Kita tahu TNB untung banyak, kita tahu bahawa keperluan tenaga memang mustahak, sebab itu kita hendak mewujudkan, menggerakkan rancangan mega seperti di Bakun dan sebagainya. Tetapi bagaimana keadaan tanah-tanah orang kampung yang dilalui elektrik, kita bayar dengan kadar tidak mencukupi - tidak memuaskan. Jadi, harapan saya supaya dikaji semula dan patut dipertimbangkan bayaran, kerana kita tahu TNB tidak pernah rugi - dia untung, kuasa memang hendak digunakan oleh manusia keseluruhannya. Tetapi saya sebut lagi sekali, tanah itu kita tidak boleh gunakan, kerana bercucuk tanam tidak dibenarkan dan sampai masa TNB tebas dan bersihkan dan cukai pula kita yang membayarnya. Rintihan ini banyak disuarakan di kampung-kampung khasnya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh Jabatan Agama Islam. Saya mengharapkan Jabatan Agama Islam, sekali pun sekarang ini bekerjasama dengan pihak polis, dengan pihak imigresen, banyak tangkapan telah pun dilakukan, pencegahan telah pun dibuat, banyak telah pun dimahkamahkan, tetapi gejala sosial ini masih berlaku lagi dan menjadi satu perkara yang serius kepada negara kita, sebagai satu perkara yang kita perjuangkan sekarang ini termasuk gejala penyalahgunaan dadah dan

sebagainya. Jadi, harapan saya supaya kerjasama dengan imigresen dan polis ini dapat diperhebatkan lagi, kerana banyak berlaku kecurangan, perkara mungkar yang berlaku, apatah lagi kepada pendatang-pendatang luar.

Saya pun hairan sekarang ini anak-anak gadis kadang-kadang lebih tertarik kepada orang-orang 'Bangla' - tidak tahulah barangkali kerana orang muda kita, belia di negara kita ini ramai yang menghisap dadah dan sebagainya. Apatah lagi ramai yang mati kerana terlibat dengan motor, hari-hari ada yang mati malah beratus, apa jadi kalau ramai orang muda mati, pengundi kita pada masa akan datang berkurangan, kita kurang pengundi, calon-calon orang muda tidak ada lagi. Bagaimana pula dengan anak-anak gadis kita? Ke mana hendak pergi ramai yang akan menjadi 'gadis tua' - minta maaf. Inilah masalahnya dan kita hendak tambah cawangan pun tidak boleh, tidak terdaya

Seorang Ahli: Jangan bimbang.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Jadi ini adalah satu masalah yang kita hadapi, Tuan Yang di-Pertua, di kampung-kampung. Kalau ramai yang mati dilanggar motor, hari-hari ratusan yang mati, yang mati pula adalah orang muda, yang mati pula adalah orang-orang yang umurnya di bawah daripada 35 tahun. Itulah yang menjadi masalah. Jadi, maksud saya supaya Jabatan Agama Islam menguatkan lagi rondaan, tangkapan dan sebagainya ke atas gejala-gejala buruk ini, kadang-kadang kita tahu masalah pendatang-pendatang asing ini menimbulkan masalah yang besar bagi kita. Ada yang merompak, ada yang membunuh dan sebagainya. Kadangkala bukan masuk dengan cara yang benar - cara haram, yang menggugat bukan sahaja ekonomi

negara kita, bahkan menggugat keselamatan negara kita sendiri. Bukan setakat itu sahaja, mereka menggunakan pasport palsu, surat-surat palsu, dokumen palsu. Bagaimana ini boleh berlaku, tidak dapat kita atasi masalah tersebut.

Satu perkara lagi ialah ajaran syiah. Baru-baru ini sungguhpun dapat ditangkap dan banyak lagi berlaku. Saya dapati bahawa ada pensyarah-pensyarah universiti, ramai di kalangan belia, ramai remaja kita yang terpengaruh dengan syiah ini. Ini juga akan menjadi pertelingkahan, akan menjadi percanggahan agama kita pada masa yang akan datang, tidak boleh menyelamatkan keadaan kerana hidup kita di dunia ini khasnya di Malaysia, tumpuan kita, harapan kita ialah kepada pembangunan Islam.

Kita bersyukur kepada Allah S.W.T sekarang ini di mana-mana madrasah, surau, masjid kalau waktu sembahyang ini - alhamdulillah. Jadi belum cukup lagi setakat itu, tetapi hal-hal pemuda-pemudi kita yang liar ini tidak masuklah cerita lepak, cerita meninggalkan rumah tangga, cerita bohsia, bohjan dan sebagainya. Cerita yang ada di hadapan kita ini yang sepatutnya diperkuatkan lagi oleh Jabatan Agama Islam untuk mengambil tindakan kepada gejala sosial ini.

Saya dapati di Kuala Lumpur ini masih banyak lagi, tadi disebut oleh Datin, ada yang berambut panjang dan sebagainya - itu satu hal yang lain. Tetapi gejala sosial yang begitu mendadak sekarang ini sepatutnya Jabatan Agama Islam, termasuk polis, imigresen mesti banyak mengadakan rondaan dan tangkapan yang sepatutnya dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi saya hendak mengambil peluang berhubung dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar khususnya agensi yang di bawahnya ialah RISDA. Dahulu selalu kita dengar bahawa RISDA ini hendak diswastakan. Banyak badan yang berebut-rebut hendak menswastakan. Saya setuju benar dengan pendapat rakan saya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali semalam. Bukan semua yang kita mesti swastakan, ada jabatan yang tidak sepatutnya kita swastakan.

RISDA adalah satu institusi yang membantu pekebun-pekebun kecil menanam semula getah, tetapi kadang-kadang kita tengok seolah-olah macam hendak kata gagal pun ia juga. Soal yang gagal ini pokok getah banyak, tetapi tidak ada penoreh, sedangkan pokok getah itu mengeluarkan hasil sebagai bank kepada petani-petani dan pekebun kecil. RRI ada membuat kajian, tetapi kajian demi kajian tidak sampai ke tahap yang sebenarnya. Dia dapat mengeluarkan penuris atau pahat, ada bahan cucuk untuk menuris, tetapi tidak juga dapat mengatasi masalah, tidak ada buruh, belia-belia kita membanjiri bandar-bandar bekerja di kilang-kilang. Kita tidak dapat menarik bagaimana supaya dia dapat setia dan balik ke kampung mengusahakan tanah sendiri. Getah yang tidak bertoreh, ditoreh, tidak disebut lagi mengenai sawah yang tidak diusahakan. Jadi, RRI kajiannya tidak sampai ke tahap yang sepatutnya. Ini adalah masalahnya. Sekarang ini sudah senyap tidak diswastakan dan saya mengharapkan supaya perkara ini tidak payah diswastakan, patut diperelokkan lagi, diberikan bantuan tambahan lagi, ses getah pun ada sedikit-sebanyak dan kita harap Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat menambah

peruntukan. Banyak lagi tanah-tanah getah yang masih belum lagi ditanam semula dan kalau tidak mahu ditanam getah pun boleh diubahsuai dengan tanaman kelapa sawit dan tanaman yang lain.

Kita tahu tanaman kelapa sawit lebih lagi hasilnya daripada ditanam getah dan mudah kita mengurusnya. Jadi, saya cadangkan juga supaya Kementerian Pertanian ataupun kementerian yang berkaitan dengan kelapa sawit ini juga mewujudkan pungutan ses kepada penanam-penanam kelapa sawit. Tujuannya untuk tabung membantu petani itu untuk menanam semula sawit. Bagaimana kita buat dengan ses tanaman getah. Inilah harapan kami supaya dikaji semula khasnya oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh Kementerian Belia dan Sukan. Dalam soal jawab tadi, ada juga soalan yang disebut berhubung dengan bantuan peniaga-peniaga kepada belia-belia di seluruh negara. Banyak peruntukan telah pun diberi, tetapi ada rintihan yang masih lagi gagal untuk mendapatkan pinjaman. Saya ada bukti kerana beberapa orang belia datang berjumpa saya, syarat cukup, jawapan pun mengatakan dalam perhatian, tetapi sampai, kata orang sekarang 'la' tidak dapat lagi pinjaman, sedangkan keupayaan mereka, mereka telah pergi kursus dan mereka telah menjalankan perniagaan. Kita bersyukurlah memang ada, bukan kita menidakkan, tetapi ada juga belia-belia yang merintih tidak dapat lagi, kecewa kerana tidak dapat pinjaman. Saya lihat sendiri bahawa mereka berupaya, berwibawa untuk menjalankan perniagaan. Sepatutnya orang yang ada kebolehan dan telah pun diberi kursus cukup syarat-syaratnya patulah diberi pinjaman.

Tadi, saya beberapa kali bangun hendak bertanya, tetapi kawan-kawan lain pun telah dapat bertanya, jadi saya berterima kasihlah, tidak payah saya tanyakan perkara itu. Itu sahajalah, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan 1998.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu. Dia bangun awal sedikit daripada yang lain.

5.50 ptg.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya pendek sahaja dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1998 ini, saya ingin menyentuh beberapa kementerian.

Pertamanya Kementerian Pendidikan dan juga sekali gus mungkin melibatkan Kementerian Belia dan Sukan. Perhatian hendak saya fokuskan kepada anak-anak kita yang baru lepas SPM. Sebagaimana yang kita maklum, bahawa anak-anak kita ini adalah anak-anak merdeka, ia dilahirkan di zaman selepas merdeka dan mungkin tidak tahu barangkali perit dan susah payahnya kehidupan pada zaman yang agak meleset terutama di zaman kita, di zaman penjajah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bahawa harapan ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah adalah bertujuan untuk mendapat pendidikan ilmu pengetahuan supaya anak-anak itu benar-benar menjadi orang yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Tetapi malangnya oleh kerana tugas yang begitu berat dipikul oleh Kementerian Pendidikan, begitu juga

dengan guru, dengan banyak berfokus kepada peperiksaan. Walaupun kita tahu bahawa kerap-kali kementerian cuba menafikan bahawa Kementerian Pendidikan tidak exam oriented, tetapi itulah sebenarnya matlamat ibu bapa.

Kalau ditanya kita di Dewan yang mulia ini sebagai ayah atau ibu, tujuan utama kita menghantar anak ialah supaya anak kita ini berjaya dari segi paper qualification dan kadang-kadang kita rasa sedih jika ada anak-anak yang tidak berjaya di kalangan anak-anak kita, kita juga pandang rendah pada anak-anak ini. Oleh itu, anak-anak ini secara psikologinya menerima tekanan di sekolah dan kadang-kadang di rumah. Anak-anak seumpama inilah yang kadang-kadangnya lari daripada keluarga dan mencari kawan-kawan sebaya untuk tempat mereka berunding. Kalau kita lihat dari segi perangkaan, anak-anak kita yang lepasan SPM barangkali 40% yang sampai ke universiti - alhamdulillah ataupun di pusat-pusat pengajian tinggi di ITM dan sebagainya. Ini kita merasa bahawa mereka berada di tempat yang agak boleh membawa mereka kejayaan di dunia dan di akhirat. Tetapi 60% daripada anak-anak kita ini, yang barangkali dapat gred III ataupun tidak lulus SPM ataupun gred II yang lemah dan sebagainya, mereka ini terumbang-ambing, tidak tahu ke mana hendak pergi. Di sinilah yang kita katakan dia termasuk dalam labour force. Dalam keadaan terumbang-ambing inilah mereka hendak berniaga tiada duit, hendak buat kerja tidak tahu apa kerja yang patut dibuat. Oleh itu, kalaulah mereka berjumpa atau dapat berkawan dengan kumpulan yang baik, selamatlah mereka, tetapi kalau mereka terjerumus, terperangkap dalam kawan-kawan yang agaknya membawa kepada gejala-gejala yang buruk, maka mereka

menjadi orang-orang yang agak lari daripada landasan yang sebenar. Maka ibu bapa ketika itulah baru sedar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya Kementerian Pendidikan selepas peperiksaan SPM mengadakan satu program khusus untuk membendung anak-anak kita yang cutinya begitu panjang supaya mereka ini diberikan kesedaran, ringkasnya kita katakan 'jati diri'. Dalam program ini kita dapat memberikan bimbingan misalnya terhadap pentingnya mereka kepada negara. Kita boleh meminta bantuan Biro Tata Negara, kita boleh minta bimbingan daripada pusat-pusat pengajian tinggi memberi mereka kaunseling, apakah bidang-bidang yang patut mereka ceburi dengan minat dan kelulusan yang mereka ada. Ini akan membuka fikiran mereka, minda mereka dan mereka terasa ada sesuatu ataupun orang dewasa yang mahu menolong mereka dalam keadaan ini, daripada mereka teraba-raba sekarang ini.

Oleh itu, saya sangat-sangat berharap supaya pelajar-pelajar kita khususnya, pelajar-pelajar yang pencapaiannya pertengahan, mereka ini kita bendung dan kita bimbing sebelum mereka ini terjerumus ke dalam kancah gejala sosial.

Kalau kita lihat dari segi perbelanjaan, kita banyak membelanjakan wang dari segi cuba hendak memulihkan mereka daripada dadah - banyak wang yang telah kita belanjakan. Adalah lebih baik kalau duit ini kita manfaatkan sebelum mereka ini terjerumus (prevention is better than cure), dengan izin.

Saya sangat percaya kerana pengalaman saya di peringkat kecil-kecilan mengambil anak-anak lepasan SPM ini memanggil beberapa pihak yang kita fikir dapat membantu anak-anak ini dan hasilnya, walaupun dalam masa seminggu dua, ianya menelorkan satu kejayaan yang begitu baik, feedback yang kita terima daripada anak-anak ini begitu memberangsangkan.

Perkara yang kedua, yang saya ingin sentuh ialah masalah banjir. Ini mungkin berkait dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum bahawa di masa yang lampau kita tahu, banjir berlaku di kampung-kampung di tempat-tempat yang rendah, tetapi sekarang ini banjir berlaku di kawasan-kawasan perumahan, satu demi satu dan keadaannya bertambah teruk. Sekarang ini yang lebih teruk lagi ialah Kuala Lumpur sudah mula dilanda banjir dan kita tahu masalah banjir yang berlaku di kawasan perumahan ini sebenarnya sistem perparitannya kita rasa tidak kemas. Kemajuan kita telah membuatkan satu demi satu kawasan perumahan kita bangunkan. Bila kawasan-kawasan perumahan ini dibangunkan, ianya tidak ada kawasan untuk mengalirkan air. Oleh itu, bila banyak kawasan perumahan ini dibangunkan, satu demi satu, air itu akan terkumpul dan mengalirkan ia.

Saya ada pengalaman sedikit sebanyak tentang banjir ataupun duduk dalam kawasan atau taman yang banjir ini. Saya rasa sesuatu perlu dibuat, sebab bagi mereka yang duduk khususnya di kawasan-kawasan taman perumahan yang dilanda banjir dia menghadapi tekanan perasaan yang kuat. Setiap kali langit mendung hati akan berdebar dan berdetak kerana balik nanti mereka bukan sahaja terpaksa membersihkan sampah-sarap dan air, bahkan

kadang-kadang lumpur dalam rumah. Bayangkanlah mereka membeli rumah ratus ribu atau puluh ribu untuk tempat tinggal, tetapi balik ke rumah, karpet, harta-benda, buku anak-anak kadang-kadang sudah bergelumang dengan lumpur. Kalau ini kita tidak perhatikan, maka satu demi satu kawasan perumahan akan ditimpa dengan banjir. Oleh itu, kalau kita lihat harus ada satu master plan tentang perparitan ini. Kalaulah satu-satu kawasan yang hendak dijadikan kawasan perumahan, ianya perlu ada perparitan terlebih dahulu, memastikan berapa banyak kawasan perumahan yang dapat kita tempatkan dan tidak akan terlibat dengan banjir. Malangnya kadang-kadang kita lihat, ini adalah pengalaman kita sendiri, kawasan yang berdekatan dengan saya ini turut mengalami banjir. Majlis Tempatan tidak dapat menampung kerana belanja untuk membuat tali air ataupun parit besar menelan kos yang tinggi. Oleh itu sekadar melepaskan batuk di tangga mereka buatlah parit-parit kecil. Tetapi ianya tidak dapat mengatasi masalah. Apa yang lebih ketara lagi kawasan yang banjir ini bersebelahan pula sekarang ini dibangunkan pula dengan kilang-kilang, maka keadaan akan bertambah parah lagi, di mana mungkin bahan-bahan kimia akan mengalir pula ke parit-parit dan masuk ke kawasan-kawasan perumahan. Inilah yang kita katakan masalah demi masalah akan dihadapi oleh orang-orang kita, khususnya yang duduk di rumah-rumah kos rendah. Oleh itu, saya sangat-sangat berharap kementerian yang berkenaan termasuklah Kerajaan Tempatan supaya memikirkan masalah banjir ini. Kalau tidak bandar akan banjir, bayangkanlah Kuala Lumpur juga akan mengalami banjir yang lebih teruk lagi.

Kita dengar kempen ‘Cintailah Sungai Kita’, tetapi malangnya bila habis sahaja kempen, kita dapat lihat sungai kita dipenuhi dengan berbagai-bagai benda. Jadi, dengan erti kata lain, maka kita sendiri mempunyai peranan sama-sama untuk melihat bahawa sungai kita, parit kita tidak menyebabkan masalah kepada kita sendiri.

Satu perkara lagi yang saya ingin sentuh ialah tentang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sebagaimana yang kita maklum baru-baru ini kementerian telah pun menguatkuasakan ataupun meletakkan harga dan memberitahu kita harga minyak, harga tepung, harga ayam telah dibenarkan naik dan mungkin beberapa bahan makanan yang lain akan terlibat kerana ianya terlibat dengan eksport di mana ia terlibat dengan foreign exchange, dengan izin. Oleh itu, kita sangat-sangat berharap supaya pegawai-pegawai penguatkuasa di daerah-daerah dapat berperanan dengan lebih berkesan lagi supaya harga-harga barang ini tidak terus melambung. Apatah lagi dalam keadaan inilah akan lahirnya anti sorok, kes-kes sorok barang dengan harapan harga akan naik. Oleh itu, kita minta juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna nyatakan dengan jelas melalui mass media, radio dan televisyen, akhbar, harga-harga barang seberapa tepat yang mungkin supaya orang ramai, sebagai pemimpin-pemimpin masyarakat, sebagai pembeli dan pengguna terbimbing dengan harga-harga ini dan tidak mudah dieksploitasi oleh peniaga-peniaga yang tamak dan menangguk di air yang keruh, di dalam keadaan ataupun di dalam musim ekonomi kita yang gawat ini.

Perkara lain, sebagaimana yang kita telah maklum bahawa sekarang ini kerajaan telah meminta kita semua menghabiskan cuti di dalam negeri. Baru-baru ini kita dengar bahawa hotel-hotel kita memberi layanan yang lebih kepada orang luar daripada kita sendiri. Oleh itu, kalaulah kita memberi mereka peluang, kali ini bila kerajaan sendiri menggalakkan kita bercuti dalam negeri dan menggunakan kemudahan-kemudahan tempatan, dengan harapan duit kita tidak mengalir keluar, sebaliknya hotel-hotel ini tidak menyambut baik dan mengenakan harga yang agak lebih dan layanan yang kurang, maka ini adalah mendukacitakan kita. Daripada senario ini kita dapat melihat bahawa apa yang lebih penting, yang saya sebutkan tadi, dari segi anak-anak kita, yang barangkali exam oriented, ianya tidak dapat pendidikan yang menyeluruh dan bila datang keadaan-keadaan terdesak, maka sekali lagi kita melihat bahawa kita di dalam keadaan kehilangan arah dan punca.

Oleh itu satu perkara yang lebih penting lagi selain daripada kepimpinan atau pendidikan tatanegara ialah pendidikan rohani ataupun agama harus dititik beratkan dalam sistem pendidikan kita ini. Kita mahu nanti anak-anak kita yang keluar daripada sekolah ataupun pusat pengajian tinggi, mereka ini bila menjadi pemimpin, mereka akan menjadi pemimpin yang benar-benar bertanggungjawab, kalau mereka menjadi peniaga, peniaga yang benar-benar bertanggungjawab, kalau mereka ini menjadi seorang peniaga terutamanya di dalam keadaan-keadaan yang genting seumpama ini, mereka dapat menjadi peniaga yang benar-benar bertanggungjawab dan insya-Allah semua ini kita simpulkan bahawa kita buat ini sebagai ibadah kita kepada Allah S.W.T.

Kalaulah kita tidak dapat melahirkan anak-anak kita ataupun anak-anak muda sepertimana yang diharapkan supaya ianya dapat bukan sahaja menerap ilmu, bahkan nilai-nilai murni, maka inilah yang berlaku, terutamanya mereka akan cuba menari keuntungan dan melepaskan diri mereka sendiri 'seperti enau dalam belukar' - kata pepatah. Saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang dapat saya sentuh.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim tidak lebih 10 minit.

6.07 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sabar tidak keluar dari tadi sampai sekarang untuk mendapatkan giliran - terima kasih pada sahabat-sahabat saya.

Dengan izin saya akan mulakan dengan peringatan Allah S.W.T [*sambil membaca sepotong ayat Quran*] yang bermaksud: berilah peringatan mudah-mudahan dengan peringatan ini akan dapat dimanfaatkan oleh orang-orang yang beriman.

Tuan Yang di-Pertua, berjimat, bukanlah di waktu yang terdesak atau tersepit, tetapi ianya hendaklah dilakukan sepanjang masa, terutamanya di waktu kemewahan. Berjimat-cermat jika dilakukan dengan berpandukan kepada Sunnah Rasulullah s.a.w maka ia merupakan satu ibadat.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya dan saya juga akan turut membahaskan

belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan. Saya mengharapkan saya akan akur kepada arahan Tuan Yang di-Pertua tidak kurang daripada 10 minit - harapan saya.

Sepertimana kita ketahui kemelut ekonomi negara atau berbagai masalah wujud dalam negara kita yang memberi kesan negatif suasana hari ini. Ancaman sosio-ekonomi yang serius dan hampir tenat, pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, di antaranya adalah disebabkan keruntuhan akhlak masyarakat kerana mereka tidak menjalankan amanah serta tidak bertanggungjawab, akibat keruntuhan akhlak seperti yang berlaku dalam masyarakat seperti rasuah dan kebebasan sosial, implikasinya berlakulah pertumbuhan wabak AIDS, penagih dadah dan banyak lagi perkara yang telah berlaku. Dalam hal ini negara terpaksa membelanjakan wang yang begitu banyak untuk membanteras dan membuat pemulihan. Sekiranya kumpulan-kumpulan yang tersebut mempunyai disiplin hidup, berakhlak dan inovatif, wang yang dibelanjakan kepada mereka boleh disalurkan untuk pertumbuhan ekonomi negara, di samping tenaga-tenaga mereka dapat memenuhi permintaan produktiviti negara kita. Dengan ini dapatlah negara mengurangkan pengambilan pekerja-pekerja asing yang datang bekerja dalam negara kita dan membawa pulang wang ke negara mereka yang begitu banyak sekali.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya kerajaan memberi penekanan serta tumpuan yang lebih kepada pendidikan, bimbingan kepada kumpulan-kumpulan remaja, mudah-mudahan mereka dapat membekalkan

diri mereka dengan ilmu, akhlak dan mempunyai disiplin hidup semoga mereka akan bertanggungjawab terhadap agama dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin sekiranya pihak kerajaan dari awal-awal lagi membimbing dan membina rakyat ke arah budaya yang sihat, negara dapat manfaat dengan menggunakan tenaga mereka ke arah mempertingkatkan pengeluaran terutama sekali bahan-bahan pertanian. Lebih-lebih lagi negara kita dilimpahi oleh Allah S.W.T dengan kawasan yang luas, tanah yang subur dan iklim yang sesuai untuk tanaman. Agensi-agensi kerajaan seperti Bernas tidak perlu membelanjakan wang yang banyak di negara asing untuk mengeluarkan bahan-bahan pertanian dan ini akan menyumbangkan aliran keluar wang dari negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin peringatan Baginda Rasulullah s.a.w kepada kita dengan sabda Baginda [*membaca sepotong Hadis*] yang bermaksud: Kamu tentu sekali mengetahui bagaimana cara untuk menyusun strategi di dalam kehidupan kamu. Islam mendidik kita supaya berdikari terutama di dalam pengeluaran makanan, dengan adanya makanan yang cukup atau berlebihan, negara tidak dapat diancam oleh negara-negara lain dengan menaikkan harga makanan yang menjadi keperluan hidup rakyat. Ini bermakna kita bebas dan kita tidak terikat dengan negara-negara yang mengeluarkan bahan makanan. Jika kita imbas kembali kaum tani di zaman silam, negeri Kedah, negeri jelapang padi, mereka mempunyai padi-padi yang cukup, mempunyai bekalan beras yang cukup untuk keperluan keluarga sepanjang tahun. Mereka tidak terikat dengan kenaikan harga beras, malangnya

pada masa sekarang budaya kaum tani telah berubah dan mereka tidak lagi menyimpan padi dan mereka terus menjual padi selepas dituai. Harga padi juga tidak berubah manakala perbelanjaan pengeluaran padi telah naik berlipat ganda.

Kerajaan patut memikirkan untuk memberi subsidi yang lebih kepada petani-petani dan boleh menggalakkan mereka melaksanakan pertanian secara moden mengikut teknologi baru. Sebaliknya kerajaan boleh membenarkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan dengan begitu senang untuk memenuhi permintaan ahli-ahli korporat.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pertanian Negara mestilah ditingkatkan ke arah memenuhi tuntutan rakyat. Jabatan Haiwan hendaklah beroperasi dengan baik dan cekap ke arah mengembangkan industri penternakan. Perlu menggalakkan masyarakat luar bandar menyertai skim menternak lembu, kerbau, kambing, ayam dan lain-lain supaya pengeluaran negara mencukupi dan melebihi permintaan, dengan cara yang begini, kita mampu mengeksport ke negara umat Islam dan juga ke Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan hasrat kerajaan untuk menubuhkan Majlis Bertindak Ekonomi Negara bagi mengatasi krisis ekonomi, saya ingin mencadangkan beberapa kaedah yang mungkin sesuai dan perlu dilaksanakan di antara lain seperti berikut:

Pertama biarlah keahliannya hendaklah bukan sahaja terdiri daripada anggota-anggota kerajaan, pakar-pakar ekonomi dan ahli korporat, tetapi biarlah ianya terlibat sama oleh ahli-ahli politik bagi semua parti termasuk

golongan cendekiawan, ulama-ulama dan aktivitis-aktivis masyarakat supaya semua pandangan dapat diambil kira kerana ianya meliputi suara dari semua golongan rakyat.

Kedua, majlis ini mestilah menjadi kuasa pemandu bagi memastikan semua syor-syor atau cadangan-cadangan dilaksanakan oleh kerajaan, manakala tugas utama majlis ini mestilah mengembalikan semula keyakinan masyarakat. Keyakinan negara kita di mata dunia antarabangsa terhadap ekonomi Malaysia. Majlis ini juga mestilah memastikan penghapusan penyelewengan dan pilih kasih serta rasuah dalam semua bentuk dan cara. Majlis ini mestilah menjadi tapak awal menukarkan sistem dan rangkaian ekonomi liberal, kapitalis yang diamalkan sekarang ini kepada pembentukan ekonomi yang berasaskan pendekatan Islam. Dalam hal ini kerajaan hendaklah benar-benar yakin kemampuan Islam dapat mengembalikan kehidupan murni manusia.

Oleh kerana saya berjanji kepada Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa hanya 10 minit, walaupun banyak lagi pandangan yang seharusnya saya utarakan, tetapi janji harus dikotai. Maka setakat itu sahajalah dan sebelum saya mengundurkan diri, saya turut menyokong belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Setakat itu sahaja dan terima kasih sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Ghazi bin Haji Ramli.

6.17 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Saya menyokong kuat Rang Undang-undang Perbekalan 1998 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada beliau, kerana selaku Menteri Kewangan dalam bab pertama yang disampaikan ialah mengatakan 'bahawa kita turunkan - potong a cross the board dengan izin 18%, tetapi memerangi kemiskinan dalam negara masih tetap diteruskan'. Saya rasa inilah yang ditunggu-tunggu oleh rakyat jelata kerana apapun keadaan berlaku, rakyat miskin hendaklah terus dibela dan dipertahankan.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas keberanian pihak kerajaan mengusulkan langkah-langkah baru yang drastik, radikal dan saya rasa betul-betul memberi ubat kepada penyakit ekonomi yang kita hadapi sekarang. Bolehlah kita anggap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim selaku doktor penyakit ekonomi sekarang.

Yang paling kita rasa sedap ialah pihak kerajaan menunjukkan kekuatannya kerana mengakui bahawa dalam saat-saat genting ini mereka sanggup melihat kembali belanjawan yang telah disampaikan pada 17 Oktober yang lalu. Dalam sesingkat masa oleh kerana perubahan begitu pesat, dalam negara dan luar negara jauh daripada negara, jadi kita mengambil iktibar yang

cukup lengkap di pihak kerajaan dan berani mengaku kita dengan izin, revise, kita ulang kaji apa yang telah kita umumkan pada bulan Oktober yang lalu.

Saya rasa dengan cara ikhlas pihak kerajaan telah pun membuat apa yang patut dan saya setuju benar dengan apa yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan mengatakan sekarang adalah peranan pihak swasta dan rakyat.

Saya ingin tujukan perhatian perbahasan ini kepada dua kumpulan ini, sasaran swasta dan rakyat. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pihak kerajaan. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, saya ingin menyebut tentang Kementerian Pertanian. Saya mengikuti dengan begitu asyik dan saya ingin juga mengambil bahagian pada awal tadi, tetapi tidak sempat. Jadi, saya hendak sebutkan secara ringkas. Dalam pemerhatian saya, saya nampak pada masa soal Jawab-Mulut semalam dan hari ini, nampak seolah-olah sedikit percanggahan di antara kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya harap Kementerian Pertanian akan mengulang kaji kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh kedua-dua pemimpin yang saya sebut tadi, saya tidak hendak hurai cara panjang, tetapi nampak jelas sedikit-sebanyak ada percanggahan.

Yang saya ingin khususkan ialah saya meminta Kementerian Pertanian supaya melihat gambaran menyeluruh dari segi perancangan dan strategi. Saya

mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kita telah umumkan program Buku Hijau.

Kita telah mewujudkan empat jawatankuasa itu dan ini - bagus, tetapi saya ingin meminta dan mengulang kaji balik apakah strategi jangka panjang Kementerian Pertanian kerana ia bangun hebat hanya bila datang krisis ekonomi, sedikit-sebanyak kita mesti juga mengakui bahawa Kementerian Pertanian kalaulah dianggap seolah-olah kita hendak mati besok, seolah-olah keadaan ekonomi akan lumpuh dan negara Malaysia akan mati kaku, kalau tidak dengan program pertanian. Kalau itulah dianggapkan sebagai andaian, saya percaya Kementerian Pertanian telah banyak hasilnya sehingga sekarang, tidak pada tahap ini. Walaupun saya akui bahawa perancangan sekarang memang baik. Umpamanya sebagai contoh banyak organisasi atau badan-badan, perbadanan di bawah Kementerian Pertanian, banyak begitu hebat. Satu saya ambil contoh, MARDI umpamanya.

Saya ingat berpuluh-puluh doktor falsafah, specialist dalam bidang-bidang tertentu dalam MARDI. Tetapi kalau kita bandingkan dengan hasil yang MARDI dapat keluarkan dengan apa yang dapat ditukar kepada komersial, yang dapat diterjemahkan kepada satu bidang perniagaan, yang boleh dihasilkan sebagai bantuan kepada pertumbuhan ekonomi, saya rasa agaknye minimum. Kalau tidak pun boleh diberi penerangan yang asing. Itu sedikit, saya hendak sentuhkan tentang Kerajaan Persekutuan.

Perkara lain yang saya hendak sentuh tentang kerajaan, ialah kerajaan negeri. Dalam saat-saat Kerajaan Persekutuan membuat pengumuman itu dan

ini, kita mengucapkan syabas kepada kepimpinan peringkat negeri juga turut serta memotong gaji dan sebagainya - bagus, tetapi saya harap yang agak sama penting ialah pengkhususan pengkajian bidang-bidang apakah yang hendak dipotong 18% ataupun a cross the board 20% ini? Kita ingin melihat kerajaan negeri-kerajaan negeri membuat pengisytiharan terbuka bahawa inilah bidang-bidang, projek-projek yang telah kita kenalpasti yang nilainya 20%, yang kita potong.

Kita sama-sama merasa bertanggungjawab, kita bimbang kalau-kalau perkara ini tidak diterangkan, didedahkan dengan nyata, kalau tersilap perkiraan. Maklumlah kita sekarang dalam 'darurat' dari segi pemikiran, darurat dari segi permasalahan, darurat dari segi memikirkan apa lagi yang buruk akan berlaku anticipation of future problem, dengan izin. Oleh kerana itu, saya ingat elok kita tahu kerajaan-kerajaan negeri ini supaya tidak tersalah prioritinya, tidak tersalah keutamaannya dari segi projek yang hendak dipotong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi pengkhususan kepada swasta sekarang ini. Saya setuju benar bahawa sekaranglah masanya pihak swasta patut tunjuk tanggungjawabnya. Selalu pihak swasta nampaknya hebat, sahut apa yang Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kata, kena ada perseimbangan di antara keuntungan dan nilai kebaikan sosial. Inilah masanya yang dia patut tunjukkan dengan sendiri - kita galakkan dan saya rasa pihak swasta ini sudah banyak mendapat manfaat melalui Persyarikatan Malaysia. Inilah masanya untuk dia membalas budi

dengan terang dan nyata. Tetapi kata swasta, memang kita sudah selalu buat, apa lagi kerajaan hendak?

Saya mengambil peluang ini Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi contoh dan cadangan kepada pihak swasta. Selalunya pihak swasta membuat banyak perbelanjaan banyak peruntukan untuk iklan dan promosi, (advertising and promotion), dengan izin. Kadang-kadang kita melihat iklan yang masuk dalam televisyen tidak munasabah, dengan izin, cartoon punya cerita - betul dengan niat hasratnya hendak tonjolkan produk ataupun perkhidmatannya. Mengapa tidak sebagai contoh sekarang ini zaman kita memerlukan maklumat, zaman kita memerlukan penerangan yang jelas mengenai masalah ekonomi dan sebagainya, banyak yang hendak diterangkan.

Mengapa tidak syarikat-syarikat swasta ini bertukar haluan, menggunakan masa peruntukan budget, wangnya itu dan masa iklannya dalam televisyen itu untuk membuat apa yang saya panggil dengan izin, infoadvert menggunakan ruang advertisement, tetapi mengambil ruang untuk memberi penerangan mengenai masalah ekonomi untuk negara, dengan jalan itu, ertinya dia tolong membantu menyampaikan maklumat. Maklumat amat penting kalau tidak persepsi atau kefahaman rakyat sudah tidak baik, persepsi sudah buruk, maka akan menghakiskan keyakinan rakyat.

Kita Ahli-ahli Dewan Negara di Dewan yang mulia ini bertanggungjawab tentang persepsi, bukan senang. Oleh kerana itu kita kena bertubi-tubi kalau kita kata hendak dapat sesuatu kemahiran, kena latihan bertubi-tubi. Ahli Yang Berhormat di sana yang membawa Usul Kepercayaan

kepada Perdana Menteri itu - menunggang kuda, dia kena berlatih bertubi-tubi, kalau dia jatuh, naik lagi, dia syok menunggang kuda, dia kata ada khasiat baik. Saya pun pernah menunggang kuda, hitam pernah saya tunggang, putih pun saya tunggang juga, tetapi sekarang saya tidak menunggang kuda lagi. Jadi, yang saya hendak katakan ialah gunakanlah peluang ini dan memberi cabaran kepada kreativiti bagaimana kita hendak menggunakan peruntukan wang dan di masa yang sama untuk memberi maklumat yang bertaraf nasional, yang negara kehendaki untuk diterangkan kepada rakyat, tetapi di celah itu kalau hendak selit tentang produknya tidak apalah - selitlah banyak mana hendak selitpun, ikut panduan yang diberi oleh kementerian. Saya rasa kalau langkah ini digerakkan sebagai satu program yang hebat, maka cara inilah secara psikologinya kita mengajak dan memerintah ataupun memberi arahan serta menggalakkan kepada swasta untuk mengambil bahagian, kemudian kita kata 'okey, sesiapa sahaja swasta yang membuat program penerangan begini, yang begitu kreatif, kita akan memberi pengiktirafan'. Apa pengiktirafannya? Nanti dahulu, kita tengok nilai persembahan dan produk - itu pada saya satu langkah positif.

Saya hendak bercakap mengenai televisyen ini kerana saluran elektronik ini terlalu kuat kuasanya, mengapa kita perkecilkan, mengapa RTM umpamanya mengambil ruang untuk menunjukkan permainan golf, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya bukan ahli main golf, tetapi apabila saya tengok permainan golf pada masa sekarang ditunjukkan dalam RTM, mungkin

boleh digantikan dengan penerangan-penerangan mengenai masalah ekonomi untuk menentukan kekuatan dan keyakinan rakyat sebagai contoh.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ini ingin menyentuh mengenai peranan rakyat. Kalau swasta sudah sebut, saya ingin menyebut pula peranan rakyat. Rakyat ini pun sama penting dan pada rakyat dia kata, saya tidak faham apa benda yang dia cakap ini, macam mana hendak mengambil bahagian kalau tidak mahu. Tetapi pokok pangkal hendak beri rakyat mengambil bahagian dia kena faham, hendak beri faham kena beri penerangan, siapa yang hendak memberi penerangan. Bolehlah kita galakkan oh! kalau kita ada kumpulan ini, kumpulan itu, diberi penerangan - okey, buatlah. Tetapi tidak sehebat media elektronik dan radio, sebab ini paling efektif, didengar selalu. Jadi, ini adalah dalam bidang kuasa kita. Nilai tiap-tiap Ringgit yang kita belanja, nilai tiap-tiap minit yang kita buat melalui saluran-saluran ini pada saya amat tinggi sekali, oleh itu saya menyerulah kepada Kementerian Penerangan sepadukan segala program-program supaya benda-benda ini kena ditekankan.

Yang saya hendak tekankan juga bila disebut Kementerian Pertanian tadi umpamanya kempen. Kempen ini memang banyak, setiap kali kita ada kempen - banyak betul kempen. Tetapi kalau semua kempen ini sama bunyinya, sama mustahaknya, rakyat pun terpinga-pinga yang mana satu kempen yang dia hendak beri keutamaan. Kita selalu didedahkan bagaimana hendak pilih, kita kena juga memimpin dan mengajak rakyat berfikir supaya memberi keutamaan yang betul dalam kehidupan mereka, hanya cara inilah kita boleh melihat bahawa masalah ekonomi yang begini rumit, yang begini besar dapat diambil

bahagian oleh rakyat. Umpamanya kempen ‘satu sen’, kerana dengan adanya kempen ‘satu sen’, kita sekarang sudah sedar bahawa nilai satu sen pada saat genting amat mustahak, samalah dengan kempen ‘kurangkan makan gula’ oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri umpamanya. Ada setengah pihak mempertikaikan - ha! Mengapa gula pula yang dibangkitkan sebagai contoh. Tetapi saya rasa pendekatan yang diambil sebagai contoh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan itu amat tepat, kerana gula ini kita gunakan dalam serba-serbi, minum kopi, teh ini tidak ‘mis’ langsung.

Jadi, kalaulah usaha berdikit-dikit berjimat ini, sebenarnya ini adalah satu disiplin diri untuk menanam dalam akal fikiran kita kesedaran bahawa, ah! sekarang aku kena buat sesuatu ‘within my control’, yang mana yang kita boleh kawal, kita kawal. Cara inilah sekurang-kurangnya boleh menjadi bahan bersebang dan bercakap dalam keluarga dan cara inilah kita boleh mendidik dan mendakwah dengan ahli keluarga kita dan ahli-ahli masyarakat kita, daripada kegunaan-kegunaan harian, kita hendak kempen ini kalau dari segi on the ground, on the root hendaklah yang paling praktikal, tetapi kalau di peringkat pemimpin, kita kena membuat congkak supaya ditunjukkan. Kalaulah dikurangkan gula dalam satu hari sebanyak ini, banyak ini - sekian, dikeluarkan nilai saving yang kita siapkan itu, buatlah kajian, mana-mana kementerian juga buatlah ini dan dedahkan dalam akhbar. Jadi, maklumat hendak diberi, inilah yang saya sebut kena menguruskan maklumat yang baik dan efektif, ertinya maklumat ini hendaklah didedahkan kepada rakyat, kalau tidak it doesn’t make

sense to the rakyat, dengan izin. Itulah yang saya hendak tekankan dari segi peranan rakyat.

Jadi, peranan rakyat bergantung juga kepada peranan pihak swasta dan pihak kerajaan, tetapi kalau ia didedahkan dengan ilmu dan maklumat yang terang dan nyata, insya-Allah ia juga akan mengambil bahagian, kerana kalau dia dalam kapal terbang pilot yang memberi signal, mengatakan kita akan menghadapi cuaca tidak baik, disuruhnya kita memakai tali pinggang keledar dan jangan berjalan - terus. Dalam gambaran kita boleh memikir apa akan jadi kalau sekiranya cuaca memang tidak baik dan dia patuh, sebab dia tahu apa kesannya. Jadi, kalau cerita bab ini, jika dia tahu apa kesan buruknya insya-Allah kita akan dapat mendokong dan mengajak ahli-ahli masyarakat kita untuk sama-sama dengan kerajaan mengambil bahagian dalam usaha untuk mengawal keadaan masalah ekonomi yang kita hadapi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi ya?

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Sedikit sahaja lagi, tetapi boleh diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah pukul 6.30 petang.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Ya, saya hendak berhenti dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan dahulu.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.